KHAZANAH PERMATA AHLILLAH

- BAHAGIAN PERTAMA -

سلسلة نفحات طريق ربي

KHAZANAH PERMATA AHLILLAH

- BAHAGIAN PERTAMA -

Diterbitkan oleh :

Zawiyah Sydna Abul Hasan As-Syazili

Lot 177, Jalan Balai Panjang, Kg. Durian Daun,
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus
Malaysia
+60 18-662 7025

Hakcipta karya asal © Al-Hāj Mahmoud Afendi As-Soghir

Alih bahasa : Ust. Rahmat Muhamad
Terbitan pertama : ZulHijjah 1446H/ Jun 2025

كنوز وجواهر أهل الله
https://www.facebook.com/Arabic.KunuzwaJawahirAhlillah

Khazanah Permata AhliLLAH
https://www.facebook.com/Malay.KhazanahPermataAhlillah

Treasures and Gemstones of AhliLLAH
https://www.facebook.com/English.TreasuresandGemstones ofAhlillah

Majālis Ar-Rahmatul Muhdāh
https://t.me/+ABsgA4KYIXplZWRI

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ العَلِيمِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيم
بِسمِ اللهِ الرَّحمنِ الرَّحِيم

بِهِ الإِعَانَةُ بِدءًا وَختمًا * وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد ذَاتًا ووَصفًا وَاِسمًا
وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا *

DenganNYA jua hamba bermohon pertolongan pada permulaan hingga akhirnya. ALLAH berselawat keatas Saiyidina Muhammad pada dzat, sifat dan namanya, beserta ahli keluarga dan para sahabatnya, berserta salam dengan sempurna.

Khazanah Permata AhliLLAH

Siri nombor 1

Al-Quthb Sidi Abdul Ghani An-Nablusi dalam himpunan wiridnya seperti yang beliau ambil dari para ahli sanadnya [1]رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَعَنَّا بِهِم أَجمَعِين berkata :

Amalan selawat ini menjadi sebab bagi *husnul khōtimah*. Dibaca setiap hari sepuluh kali :

---

[1] - semoga ALLAH meredhoi mereka dan meredhoi kita dengan keberkatan mereka semua.

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد عَبدِكَ وَنَبِيِّكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَأَصحَابِهِ وَأَزوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ بِقَدرِ عَظَمَةِ ذَاتِكَ فِي كُلِّ وَقتٍ وَحِين وَسَلِّم تَسلِيمًا ❋

"ALLAHumma kurniailah selawat keatas Saiyidina Muhammad ; Baginda adalah abdiMU, NabiMU, RasulMU dan NabiMU yang Ummiy, juga selawatkanlah keatas keluarganya, sahabatnya, isteri-isterinya dan zuriatnya dengan kadar keagungan dzatMU pada setiap waktu dan ketika, berserta salam dengan salam yang sempurna".

الحَمدُ لِلّٰه وَالشُّكرُ لِلّٰه .. وَالفَضلُ لِلّٰه وَالمَنُّ لِلّٰه

"AlhamduliLLAH ; puji dan syukur, kelebihan dan budi semuanya dari ALLAH".

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ العَلِيمِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيم
بِسمِ اللهِ الرَّحمنِ الرَّحِيم

بِهِ الإِعَانَةُ بِدءًا وَختمًا * وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد ذَاتًا وَوَصفًا وَاِسمًا وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا *

DenganNYA jua hamba bermohon pertolongan pada permulaan hingga akhirnya. ALLAH berselawat keatas Saiyidina Muhammad pada dzat, sifat dan namanya, beserta ahli keluarga dan para sahabatnya, berserta salam dengan sempurna.

Khazanah Permata AhliLLAH

Siri nombor 2

Al-Quthb Sidi Abdul Ghani An-Nablusi رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَعَنَّا بِهِم أَجمَعِين berkata :

Formula selawat salam dan tawassul dengan Baginda ﷺ ini dibaca untuk menghadapi kesulitan dan menjadi wasilah bagi menunaikan hajat. Dibaca setiap hari seratus kali.

الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيكَ يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللهِ كَلَّت حِيلَتِي أَدرِكنِي

"Selawat dan salam untukmu ya Saiyidi Ya RasulALLAH .. lelahnya usahaku, tolonglah aku".

الحَمدُ لِلّٰه وَالشُّكرُ لِلّٰه .. وَالفَضلُ لِلّٰه وَالمَنُّ لِلّٰه

"AlhamduliLLAH ; puji dan syukur, kelebihan dan budi semuanya dari ALLAH".

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ العَلِيمِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيم
بِسمِ اللهِ الرَّحمنِ الرَّحِيم

بِهِ الإِعَانَةُ بِدءًا وَختمًا * وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد ذَاتًا وَوَصفًا وَاِسمًا وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا *

DenganNYA jua hamba bermohon pertolongan pada permulaan hingga akhirnya. ALLAH berselawat keatas Saiyidina Muhammad pada dzat, sifat dan namanya, beserta ahli keluarga dan para sahabatnya, berserta salam dengan sempurna.

Khazanah Permata AhliLLAH

Siri nombor 3

Al-Quthb Sidi Abdul Ghani An-Nablusi menyebut dalam himpunan wiridnya seperti yang beliau ambil dari para ahli sanadnya رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَعَنَّا بِهِم أَجمَعِين dan ini turut dinyatakan oleh Sidi As-Syeikh Mustofa Al-Bakri قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ dalam Syarah Hizb Sidi As-Syeikh Muhyiddin An-Nawawi رَضِيَ اللهُ عَنهُ yang beliau nukil dari Sidna Ali Al-Ajhuri رَضِيَ اللهُ عَنهُ bahawa siapa yang membaca pada Jumaat terakhir bulan Rejab saat khatib menyampaikan khutbah diatas mimbar :

أَحمَدَ رَسُولُ اللهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ

“Ahmad RasuluLLAH, Muhammad RasuluLLAH”. 35 kali

nescaya wang tidak berputusan dari tangannya. Ertinya pada tahun ini dari Rejab hingga Zulhijjah sentiasalah dirimu aman dari masalah kewangan dan wang akan selalu ada bersamamu.

الحَمدُ لِلّٰه وَالشُّكرُ لِلّٰه .. وَالفَضلُ لِلّٰه وَالمَنُّ لِلّٰه

“AlhamduliLLAH ; puji dan syukur, kelebihan dan budi semuanya dari ALLAH”.

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ العَلِيمِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيم
بِسمِ اللهِ الرَّحمنِ الرَّحِيم

بِهِ الإِعَانَةُ بِدءًا وَختمًا * وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد ذَاتًا وَوَصفًا وَاِسمًا وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا *

DenganNYA jua hamba bermohon pertolongan pada permulaan hingga akhirnya. ALLAH berselawat keatas Saiyidina Muhammad pada dzat, sifat dan namanya, beserta ahli keluarga dan para sahabatnya, berserta salam dengan sempurna.

Khazanah Permata AhliLLAH

Siri nombor 4

Al-Quthb Sidi As-Syeikh Abdul Ghani An-Nablusi menyebut dalam himpunan wiridnya seperti yang beliau ambil dari para ahli sanadnya رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَعَنَّا بِهِم أَجمَعِين :

Barangsiapa mahu melihat Sidnan Nabi ﷺ dalam mimpi, maka hendaklah dia solat *nafilah* dua rakaat kerana ALLAH Taala dengan membaca pada setiap rakaat Surah Al-Fatihah sekali dan Surah Al-Ikhlas (atau dinamakan juga As-Somadiyyah) seratus kali.

Sesudah solat dia membaca :

يَا مُحسِنُ يَا مُجمِلُ يَا مُنعِمُ يَا مُتَفَضِّلُ
أَرِنِي وَجهَ سَيِّدِنَا مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم

"Wahai yang Maha Berbuat Ihsan, wahai yang Maha Mengindahkan, wahai yang Maha Memberi Nikmat, wahai yang Maha Memberi Budi .. tunjukkanlah kepadaku wajah Saiyidina Muhammad ﷺ". Tiga kali.

Sesungguhnya dia akan melihat Baginda ﷺ.

Ulang dan ulangi lagi dan terus mengulanginya sehingga nanti engkau dapat melihat Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا.

الحَمدُ لِلّٰه وَالشُّكرُ لِلّٰه .. وَالفَضلُ لِلّٰه وَالمَنُّ لِلّٰه

"AlhamduliLLAH ; puji dan syukur, kelebihan dan budi semuanya dari ALLAH".

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ العَلِيمِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيم
بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم

بِهِ الإِعَانَةُ بِدءًا وَختمًا * وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد ذَاتًا وَوَصفًا وَاِسمًا وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا *

DenganNYA jua hamba bermohon pertolongan pada permulaan hingga akhirnya. ALLAH berselawat keatas Saiyidina Muhammad pada dzat, sifat dan namanya, beserta ahli keluarga dan para sahabatnya, berserta salam dengan sempurna.

Khazanah Permata AhliLLAH

Siri nombor 5

Al-Quthb Sidi As-Syeikh Abdul Ghani An-Nablusi menyebut dalam himpunan wiridnya seperti yang beliau ambil dari para ahli sanadnya رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَعَنَّا بِهِم أَجمَعِين :

Telah menyebut Sidi Al-Hafiz Jalaluddin Al-Asyuthi رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى وَنُفِعنَا بِهِ

bahawa barang siapa yang melazimi amalan (ertinya terus menerus melakukan berulang kali) pada setiap malam Jumaat (selepas solat maghrib dari hari Khamis) membaca (sekurang-kurangnya 1000 kali, had pertengahannya 4444 kali dan tiada had bagi bilangan maksima .. boleh dibaca seorang diri atau berjemaah dalam majlis) selawat yang mulia ini, nescaya tidaklah apabila dia meninggal dunia nanti melainkan Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيهِ وَسَلَّمَ yang akan menurunkannya ke liang lahad.

Inilah selawatnya :

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ * الحَبِيب العَالِي القَدرِ * العَظِيمِ الجَاهِ * وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلَّمَ

"ALLAHumma selawat dan salam keatas Saiyidina Muhammad Nabi yang Ummiy, kekasih yang tinggi kedudukan lagi agung jāh-nya, beserta keluarga dan para sahabatnya".

الحَمدُ لِلّٰهِ وَالشُّكرُ لِلّٰهِ .. وَالفَضلُ لِلّٰهِ وَالمَنُّ لِلّٰهِ

"AlhamduliLLAH ; puji dan syukur, kelebihan dan budi semuanya dari ALLAH".

Jangan kau ingkari kurnia budi Robbana .. kurnia budi itu milik ALLAH Taala dan DIA memberinya kepada siapa yang DIA mahu dan dengan apa yang DIA mahu.

Siri nombor 6

Dan berkata Al-Quthb Abul Imdād Burhanuddin Sidi Ibrahim Bin Hasan Al-Laqqāni As-Syāzili Al-Misri pengarang Jauharah At-Tauhid dengan tiga syarahnya ; yang besar, sederhana dan kecil :

Barangsiapa membacakan kepada bayi pada malam kelahirannya Surah Al-Qadr, sambil meletak tapak tangan diatas kepala bayi itu ; nescaya tidaklah si bayi terjebak kepada zina seumur hidupnya.

الحَمْدُ لِلّٰهِ وَالشُّكْرُ لِلّٰهِ .. وَالفَضلُ لِلّٰهِ وَالمَنُّ لِلّٰهِ

“AlhamduliLLAH ; puji dan syukur, kelebihan dan budi semuanya dari ALLAH”.

بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّآ أَنزَلۡنَٰهُ فِي لَيۡلَةِ ٱلۡقَدۡرِ (1) وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا لَيۡلَةُ ٱلۡقَدۡرِ (2) لَيۡلَةُ ٱلۡقَدۡرِ خَيۡرٞ مِّنۡ أَلۡفِ شَهۡرٖ (3) تَنَزَّلُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ فِيهَا بِإِذۡنِ رَبِّهِم مِّن كُلِّ أَمۡرٖ (4) سَلَٰمٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطۡلَعِ ٱلۡفَجۡرِ (5)

Siri nombor 7

Dan berkata Al-Quthb Syeikhul Islam Sidi Ibrahim Al-Laqqāni As-Syāzili Al-Misri pengarang kitab Jauharah At-Tauhid :

“Barang siapa membaca tujuh surah ini setiap hari dan ini yang paling afdhal .. atau jika tak mampu begitu maka bacalah seminggu sekali .. yang penting bacalah mengikut mana yang mudah ..

nescaya akan dikurniai baginya keselamatan pada urusan dunia dan kesejahteraan dari huru-hara Akhirat”.

Kemudian beliau melantunkan syair berikut :

يٓس تُنجِي مِن دُخَانٍ الوَاقِعَة ❊ وَالمُلكُ وَالإِنسَانُ نِعمَ الشَّافِعَة

Yāsīn menyelamatkan dari Dukhōn (asap) Wāqi`ah (Kiamat), Al-Mulk dan Al-Insān sebaik-baik pensyafaat

ثُمَّ البُرُوجُ لَهَا انشِرَاحُ هَذِهِ ❊ سَبعٌ وَهُنَّ المُنجِيَاتُ النَّافِعَة

kemudian Al-Burūj baginya Insyirōh (melapangkan dada) ; tujuh surah tadi adalah penyelamat yang bermanfaat

Tujuh surah yang dimaksudkan adalah :

1- Surah Yāsīn
2- Surah Ad- Dukhōn
3- Surah Al-Wāqi`ah
4- Surah Al-Mulk
5- Surah Al-Insān
6- Surah Al-Burūj
7- Surah Al-Insyirōh

Siri nombor 8

Dan berkata Al-Quthb Syeikhul Islam Sidi Ibrahim Al-Laqqāni As-Syāzili Al-Misri pengarang kitab Jauharah At-Tauhid dalam syarahnya bagi kitab ini :

"..bahawa ia sudah menjadi pengalaman yang mujarrab bagi mereka yang ahli dalam bidang ini ; untuk mengatasi berbagai kesulitan dan dukacita tiada solusi yang lebih ampuh dari tawassul dengan hadrat Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيماً *.."* (renungilah sungguh-sungguh pernyataan tadi .. maka hendaklah kita bersama dalam kafilah ahli kemenangan dan kejayaan ini).

Kemudian Syeikh berkata : "Dan inilah syair qasidahku yang diberi judul *Penghapus Bencana Dengan Menyebut Keindahan Al-Habīb Dan Bertawassul Dengan Al-mahbūb*, aku telah mengarangnya dengan isyarat dari lintasan *khāthir Ar-Rohmāni* saat berlaku satu kesusahan keatasku, maka dengan tawassul itu lenyaplah kesusahan tadi dengan izin dariNYA yang Maha Pencipta bumi dan langit. Inilah qasidahnya :

يا أكرم الخلق قد ضاقت بي السبل * ودق عظمي وغابت عني الحيل

Duhai Baginda ciptaan termulia,
sempitlah jalanku .. tiada upaya,

Rapuh tulangku .. lenyap usahaku,
Tiada lagi yang tersisa

ولم أجد من عزيز أستجير به * سوى رحيم به تستشفع الرسل

Tiada penolong yang dapat ku harapkan,
melainkan Baginda yang amat pengasih,
yang para rasul pun memohon syafaatnya

مشمر الساق يحمى من يلوذ به * يوم البلاء إذا ما لم يكن بلل

Baginda yang bersinsing lengan demi menaungi
siapa yang datang berlindung padanya,
di hari bala datang menimpa
saat tiada siapa yang menolongnya

غوث المحاويج أن محل ألم بهم * كهف الضعاف اذا ما عمها الوجل

Baginda penolong insan berhajat,
dalam derita, resah yang amat,
tempat berteduh insan nan lemah,
ketika cemas datang meliput

مؤمل البائس المتروك نصرته * مكرم حين يعلو سره الخجل

Baginda harapan bagi si papa
yang tersisih dan dilupa,
dia dimuliakan oleh sirr Baginda,
malu si papa (dalam bahagia)

كنز الفقير وعز الجود من خضعت * له الملوك ومن تحيا به المحل

Bagindalah khazanah bagi si faqir,
kemuliaan si dermawan,
raja-raja pun tunduk kepadanya,
dan kemarau bertukar subur kerananya

من لليتامى بمال يوم أزمتهم * وللأرامل ستر سابغ خضل

Baginda menafkahi anak yatim
saat mereka dihimpit lara,
pelindung para balu
dengan perlindungan sempurna

ليث الكتائب يوم الحرب ان حميت * وطيسها واستحد البيض والاسل

Baginda singa medan perang
saat huru hara berkecamuk,
saat pedang bertikaman,
saat lembing menyala amarah

من ترتجى في مقام الهول نصرته * ومن به تكشف الغماء والغلل

Kepadanyalah pengharapan
dalam gundah yang menggigit,
dengannyalah tersingkap
segala duka dan yang sulit

محمد ابن عبد الله ملجاؤنا * يوم التنادى إذا ما عمنا الوهل

Baginda-lah Muhammad bin Abdullah pelindung kami,
saat seruan yang menggemparkan,
saat ketakutan menyelubungi

الفاتح الخاتم الميمون طائره * بحر العطاء وكنز نفعه شمل

Baginda Al-Fatih (Pembuka) dan Al-Khatim (Penutup)
Baginda nan bertuah perjalanannya,
Baginda lautan kurnia,
khazanah manfaat merata-rata

الله أكبر جاء النصر وانكشفت * عنا الغموم وولي الضيق والمحل

Allahu Akbar!
Datanglah pertolongan yang dinanti,

segala duka jadi sirna,
hilang kesempitan dan suburlah bumi

بعزمة من رسول الله صادقة * وهمة يمتطها الحازم البطل

dengan keazaman Sidna RasuluLLAH
yang kental pemberani,
dengan semangat pahlawan sejati

أغث أغث سيد الكونين قد نزلت * بنا الرزايا وغاب الخل والاخل

Duhai Penghulu dunia Akhirat
tolonglah kami dan tolonglah kami,
bala menimpa menghujani kami,
kawan menghilang .. dalam derita tinggal-lah kami

ولاح شيبي وولى العمر منهزما * بعسكر الذنب لا يلوى به عجل

Rambutku memutih,
umur makin lari ke penghujung,
noda dosa mengepung
bagai balatentera tak kenal ragu

كن للمعنى مغيثا عند وحدته * وكن شفيعا له ان زلت النعل

Ya RasulALLAH!
Jadilah penolongku saat sunyi mencengkam,
Jadilah pensyafaat bila kakiku gelincir tersembam

فجملة القول أني مذنب وجل * وأنت غوث لمن ضاقت به السبل

Pendek kata
aku hamba berdosa .. hatiku gentar,
dan dirimu-lah penyelamat
bagi yang buntu kehilangan arah

صلى عليك إلهى دائما أبدا * ما ان تعاقبت الضحواء والاصل

Ilahi berselawat keatasmu duhai Junjunganku

senantiasa selama-lamanya
selagi siang dan malam masih menjelma

وآلك الغر والصحب الكرام كذا ❋ مسلما والسلام الطيب الحفل

juga selawat keatas keluargamu para muliawan
dan sahabatmu yang budiman
dititip salam dan kesejahteraan
harum mewangi sepenuh taman

Siri nombor 9

Al-Quthb Fakhruddin قَدَّسَ اللّٰهُ رُوحَهُ العَالِي[2] berkata :

Definisi riyak dan syirik berbeza disisi AhliLLAH dengan umum masyarakat.

Contohnya, kata orang riyak adalah engkau melakukan ibadat kerana (nak menunjuk) kepada manusia ..

menurut AhliLLAH yang seperti ini adalah syirik ; seperti orang yang kalau di rumahnya dia melakukan solatnya macam biasa .. namun apabila dia solat dilihat orang dia pun menambah *thoma'ninah*-nya dan memanjangkan solatnya .. dia berlakon dan mempamer.

Adapun riyak disisi AhliLLAH ialah engkau meninggalkan ibadatmu kerana manusia ;

contohnya engkau keluar rumah sambil memegang tasbih membaca wirid-wiridmu .. apabila kau melihat orang yang mengenalimu engkau pun menyimpan tasbih didalam poket supaya dia tak melihat amalanmu.

Kesimpulannya adalah keikhlasan liLLAHi Taala.

---

[2] - semoga ALLAH mengkuduskan rohnya yang termulia.

Jangan kau mengerjakan ibadat, ketaatan dan zikirmu kerana manusia ..

jangan kau tinggalkan ibadat, ketaatan dan zikirmu kerana manusia ..

namun senantiasa dan tetaplah engkau mengerjakannya kerana ALLAH Taala .. kerana DIA mencintaimu, memberi kurniaNYA kepadamu, memuliakanmu dan meningkatkan kedudukanmu jika engkau beramal keranaNYA.

Siri nombor 10

Telah berkata kalangan awliya' -semoga ALLAH mengkuduskan arwah mereka yang mulia dan mengurniai kita kemanfaatan mereka- :

Penawar mujarrab berbagai penyakit mata.

Di sesetengah belahan dunia .. contohnya di Malaysia ada satu pokok namanya moringa (pokok kelor atau gemunggal).

Pokok ini bila ditanam akan cepat membesar, sifatnya kuat dan tahan penyakit.

Semua bahagiannya punya manfaat tersendiri dan menjadi penawar untuk Bani Adam ;

baik buahnya, atau daunnya, atau akarnya.

Sekarang kita bicarakan tentang akar pokok moringga ; akar pokoknya yang masih muda berumur sekitar satu hingga enam bulan :

- Ambil akarnya lalu dibasuh bersih dengan air sahaja
- kemudian dibiarkan kering dibawah teduhan (jangan *direct* dibawah matahari) .. boleh juga

dikeringkan dibawah cahaya matahari tapi jangan semasa panas terik
- akar tadi kemudian dikisar halus dan disimpan dalam bekas kaca.

Ambil serbuk moringa satu sudu kecil setiap hari ; boleh dicampur dalam air panas atau teh .. biarkan selama dua puluh minit supaya sebati dan sekarang sudah siap untuk diminum. Saya harap janganlah ia ditambah gula atau madu ; biarkan ia *tabi`i* supaya tuan puan mendapat faedah sempurna darinya.

Kemudian silakanlah menikmatinya panas atau suam. Minuman moringga adalah penawar bagi semua penyakit mata sama ada gejala mata kering, kesakitan (pedih mata dan sebagainya), mata berkedip atau masalah urat mata.

Kesembuhannya segera .. dan ini dari keberkatan Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا ..

kerana para awliya' menyatakan bahawa pokok ini suka berselawat dan banyak berselawat keatas Saiyidina RasuluLLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا.

Siri nombor 11

Telah berkata kalangan masyaikh kamil -semoga ALLAH mengkuduskan arwah mereka yang mulia dan mengurniai kita kemanfaatan mereka- :

Mujarrobat untuk bebas dari penjara jika dirinya dizalimi dan dia tidak zalim.

Ada seorang murid sejati yang amat setia kepada syeikhnya .. dia mahu belajar dan mahu berubah.

Dia mencintai syeikhnya lebih dari mencintai dirinya, hartanya dan anaknya .. (yang kita ni pulak .. lihatlah bagaimana nafsu telah mempermainkan kita dan menjerumuskan kita ke dalam *waham*).

Berlakulah suatu masalah .. si murid ditahan .. disumbat dalam penjara kerana satu tuduhan palsu dan batil keatasnya. ALLAHumma jauhkanlah kami semua dari segala bagai tuduhan batil, jauhkan kami dari kejahatan dan ahli kejahatan.

Si murid duduk dalam penjara .. teringatkan Syeikhnya lalu menangislah dia seraya berkata :

Maafkan aku Tuan Syeikh .. aku sekarang terpenjara dan tak dapat nak berkhidmat kepadamu, tak dapat nak

menghadiri majlismu dan tak dapat lagi nak melihat kepadamu dengan sukacita wahai Syeikhku.

Syeikh pun datang dalam mimpinya dan berkata : Benarkah perkataanmu itu wahai muridku? Kata si murid : Benar.

Kata Syeikh : Kalau begitu kau bacalah Surah Al-Fath 33 kali .. nanti engkau akan dibebaskan.

Si murid pun melakukannya dengan bilangan sempurna. Selepas itu dia terus keluar dari penjara. Dia pergi kepada Tuan Syeikhnya .. dan Syeikh pun melayannya secara syariat yang zahir, kata beliau : Masya ALLAH mereka telah membebaskanmu. Alhamdulillah syukur pada ALLAH.

Kemudian Syeikh mengujar : "Wahai anakku, jika benar engkau mencintaiku seperti sangkaanmu itu nescaya akulah yang akan membacakan untukmu 33 kali Surah Al-Fath ..

.. namun sebenarnya engkau belum mencintaiku .. yang kau cintai adalah dirimu dan keluargamu .. dan yang kau cita-citakan adalah jaminan pekerjaan dan perlindungan .. (engkau datang kepadaku hanya) untuk memenuhi waktu lapangmu.

Wahai anakku

dua hal ini amat besar bezanya :

Hal yang pertama engkau berkata : Aku mencintai Syeikhku ..

dan hal yang kedua engkau mencintai Syeikhmu dan cintamu itu terzahir pada khidmatmu, pada ketaatanmu, pada takzim-mu dan pada keadaanmu yang tidak mengadukan sesiapa dan tidak mengata keburukan sesiapa. Sebaliknya engkau berlapang dada .. berkasih sayang .. merendah diri .. mengerjakan segala yang dapat menyenangkan, menggembirakan dan membahagiakan hati Syeikhmu”.

Itulah yang kemudian dilakukan oleh si murid .. apabila Syeikhnya meninggal dunia dia pun menjadi khalifahnya.

Siri nombor 12

Aku telah mendengar hadis nabawi yang mulia ini dan ia dinamakan :

الْمُسَلْسَلُ بِالأَوَّلِيَّةِ

"Musalsal Mengaji Hadis Pertama".

Makna terma tadi adalah ia merupakan hadis pertama yang didengar (mengaji) oleh saiyidina *tābi`īn* dari saiyidina sahabat mulia dari *Saiyidinā* (penghulu kami) *wa Habibinā* (dan kekasih kami) *wa Syafī`ina* (dan pensyafaat kami) Penghulu Kewujudan lagi Penyebab Bagi Segala Yang Diwujudkan iyaitu Saiyidina wa Maulana Muhammad RasuluLLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّمْ تَسلِيمًا

Hadis ini telah aku mengaji ia dengan menerima ijazahnya dari ulama pemegang sanad tertinggi di zamannya yaitu Al-Muhaddist Sidi Al-Haj Muhammad Yaasin Al-Fadani رَحِمَهُ اللهُ وَبَرَكَاتُهُ عَلَيهِ..

di rumahnya yang seadanya lagi sederhana, yang berjiran dengan As-Saiyidah Khadijah Al-Kubro رَضِيَ اللهُ عَنهَا وَأَرضَاهَا وَنَفَعنَا بِهَا فِي الدَّارَينِ.

Ada kalangan wali Quthb قَدَّسَ اللهُ أَروَاحَهُم berkata : "*Di setiap zaman ada penyandang pangkat Al-`Āsyiq Al-Akbar Al-Muhib Al-Akmal (Sang Kekasih Terbesar Lagi Pecinta Paling Sempurna) dari kalangan lelaki dan wanita bagi hadrat Sidnan Nabi* ﷺ ..

adapun Saiyidatina As-Saiyidah Khadijah adalah kekasih terbesar nan teragung disepanjang sejarah manusia bagi hadrat kekasih terbesar nan tunggal bagi ALLAH Taala yaitu Saiyidina Muhammad
صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا

"Musalsal Mengaji Hadis Pertama Yang Mulia"

Dari Saiyidina Abdullah Bin `Amru Ibn Al-`Ash رَضِيَ اللهُ عَنهُ beliau berkata :

Telah bersabda Saiyidina wa Maulana RasuluLLAH ﷺ :

الرَّاحِمُونَ يَرحَمُهُمُ الرَّحمَنُ .. اِرحَمُوا مَن فِي الأَرضِ يَرحَمكُم مَن فِي السَّمَاءِ

"*Mereka yang bersifat kasih sayang akan dikasihi oleh Al-Rahman .. Kasihilah siapa yang di bumi nescaya siapa yang di langit akan mengasihimu*".

Al-Hafiz Al-Fadani telah mengaji hadis ini dari 16 orang Hafiz, Muhaddist dan Syeikh رَحِمَهُمُ اللهُ وَبَرَكَاتُهُ عَلَيهِم.

Adapun sifat musalsal pengriwayatan hadis ini berakhir pada perawi Saiyidina Sufyan Bin `Uyainah yang beliau adalah murid kepada perawi *tābi`ut tābi`īn*. Ertinya antara Beliau dengan Saiyidina wa Maulana RasuluLLAH ﷺ diselangi tiga orang perawi hadis mulia ini, yaitu :

sahabat
tābi`īn[3]
dan *tābi`ut tābi`īn*[4]
رَضِيَ اللهُ عَنهُم.

Mengapa hadis mulia ini amat penting .. dan mengapa mereka meletakkannya sebagai hadis pertama yang dimengajikan oleh penuntut ilmu?. Kerana padanya ada rahmat.

Penuntut ilmu, guru, ustaz, syeikh dan selain mereka seperti suami, isteri, keluarga dan semua lapisan masyarakat jika tanpa rahmat maka ilmu dan amal mereka tiada faedahnya. Berserta rahmat akan datanglah segala kebaikan, faedah dan kemanfaatan.

Aku meletakkan hadis ini dalam siri permata khazanah kerana dua sebab :

Yang pertama jika si polan tiada rezeki pada sanad jalan tareqat menuju ALLAH .. jalan Tasawuf .. maka boleh jadi sanad hadis ini dapat membantunya membuka pintu hidayah untuk hati dan rohnya. Amin.

---

[3] - murid sahabat.

[4] - murid tābi`īn.

Kerana kedua-dua sanad ; sanad tareqat-tareqat sufi aliran Sunni Islam dan sanad Ilmu Hadis Nabawi yang mulia .. kedua-dua ini sumbernya adalah satu dada yang sama .. hadrat Baginda Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا.

Sebab yang kedua ..
Kalau kau mahu ALLAH merahmatimu maka hendaklah engkau merahmati (mengasihi) semua makhluk ciptaan ALLAH. Perkara ini pada pemahaman dan praktisnya ada *sirr* (rahsia) besar .. bagi mereka yang direzekikan ALLAH beroleh faham.

Kerana faham itu sebuah kurniaan .. ia diberi kepada kita.

Kefahaman bukan sesuatu yang dapat datang begitu saja .. kita akan memperolehinya melalui ilmu, pengalaman, ujikaji dan pergaulan dengan pihak lain.

Siri nombor 13

Wali Quthb Sidi Sahl قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيزَ[5] berkata :

Sepanjang hidupku aku tak pernah berhajat untuk pergi kepada tabib .. atau makan ubat

kerana aku selalu membaca doa ini .. lalu dengannya hilang dariku segala sakit. Bagi ALLAH jua segala puji dan syukur .. dariNYA jua segala kurnia dan budi.

اللّٰهُمَّ اشفِنِي .. بِشِفَائِكَ
وَدَاوِنِي .. بِدَوائِكَ
وَعَافِنِي .. مِن بَلَائِكَ

"ALLAHumma sembuhkanlah aku dengan kesembuhan dariMU ..
ubatilah aku dengan ubatMU ..
dan afiatkanlah aku dari bala cubaanMU".

Dari doa yang penuh berkat dan mujarrab ini, dapat kita memahami sesudah merenung bahawa

ada tiga penyebab utama bagi semua penyakit ;

[5] - semoga ALLAH mengkuduskan *sirr*-nya yang mulia.

1. **Kesembuhan** dari semua kesakitan dan penyakit maknawi
2. **Ubat** bagi semua kesakitan dan penyakit jasadi
3. **Keafiatan** dari setiap bala menimpa yang sebabnya adalah mengambil hak orang lain dengan sengaja atau tidak

Lalu Sidna Syeikh dalam doanya yang makbul lagi mustajab telah memasukkan ketiga-tiga rukun ini yang menjadi penyebab bagi segala kesakitan dan penyakit.

Perhatian ..
Bagi yang tidak mengerti Bahasa Arab ; kata gantinama dalam doa akan berubah mengikut kesesuaian saat engkau berdoa untuk dirimu sendiri, atau mendoakan orang lain, atau berdoa untuk semua. Renungilah itu dan bertanyalah*.

____

*- jika mendoakan seorang lelaki kita akan berkata *ALLAHumma sembuhkanlah <u>dia</u>* .. اللّٰهُمَّ اشْفِهِ

jika mendoakan seorang perempuan.. اللّٰهُمَّ اشْفِهَا

jika mendoakan kata gantinama <u>kami</u> .. اللّٰهُمَّ اشْفِنَا

jika mendoakan kata gantinama <u>mereka</u> .. اللّٰهُمَّ اشْفِهِم

Siri nombor 14

Ada seorang lelaki datang kepada Al-Quthb Sidi Ahmad dan berkata kepadanya :

Anak lelakiku sakit jantung .. sudah banyaklah aku membawanya kepada berbagai doktor pakar perunding

hasil pemeriksaan perubatan mendapati jantungnya baik-baik saja tiada masalah .. tapi rasa sakitnya yang amat masih kekal berterusan.

Syeikh pun berkata kepadanya : Kamu punya adik beradik?

Jawab si lelaki : Iya .. seorang saudara perempuan.

Kata Syeikh : Apakah sudah kau berikan haknya dari harta warisan?

Kata si lelaki : Tidak .. ah .. belum lagi!

Kata Syeikh : Engkau mahu apa dariku?! Pergi sekarang dan berikan semua hak adik perempuanmu itu

dengannya anak lelakimu akan segera sembuh

tanpa perlu doktor atau ubat.

Engkau makan dan mencuri hak adik perempuanmu ; itulah bala yang zahir dalam bentuk kesakitan dan penderitaan.

Bertaqwalah kepada ALLAH .. tahu takutlah engkau akan murka ALLAH dan azab ALLAH di dunia dan Akhirat.

Siri nombor 15

Al-Quthb Sidi Mā`ul `Aynain قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

Syeikh kami قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز telah menyuruh aku

membaca Surah Al-Waqiah .. sekali selepas maghrib dan sekali selepas subuh

selesai membaca surah aku disuruhnya membaca isim-isim ini (8 isim yang agung lagi mulia)

dibaca 4 kali .. yaitu :

كَرِيم .. وَهَّاب .. بَاسِط .. فَتَّاح .. رَزَّاق .. غَنِيّ .. مُغنِيّ .. مُتَفَضِّل

Kata beliau : Dari amalan ini aku beroleh berkat yang amat besar pada rezeki .. aku memuji-muji ALLAH keatasnya.

Yang lebih afdhal dan lebih sempurna ialah engkau membacanya setiap hari.

Kalau engkau melakukan itu nescaya rezeki selama-lamanya takkan putus dari rumahmu.

AlhamduliLLAH ; segala puji dan syukur bagi ALLAH .. segala kurnia dan budi dari ALLAH.

Siri nombor 16

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيزَ berkata :

“Manusia yang buta rohnya walaupun celik mata namun dia tak dapat melihat .. tapi yang hidup hatinya walaupun memejamkan mata pengelihatannya lebih terang.

Ada hikmah ajaib yang menggesa kita untuk bertafakkur soal roh ..

syukur, takzim, meminta maaf dan banyak lagi yang lain datangnya dari mengaktifkan roh kita. Dari roh”.

Kata beliau : *“Jika engkau tak mengaktifkan rohmu itu bererti engkau membiarkannya buta ; walaupun dua matamu melihat namun engkau tak melihat apa yang dapat menghidupkan jiwamu”.*

Kata beliau lagi : *“Jika hatimu terbuka .. berperanan .. aktif*

nescaya engkau akan melihat segala-galanya walaupun dengan memejamkan mata.

Kerana untuk melihat apa yang dapat menghidupkan jiwamu dua mata zahir tidaklah penting”.

Jadi, isyarat beliau adalah .. hidupkan hatimu

dan carilah siapa yang dapat membantumu untuk tujuan itu.

Kerana mata rohanimu terzahir dari hatimu .. bukan dari kepalamu.

Siri nombor 17

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيزَ berkata :

فِي لَحظَةٍ وَاحِدَةٍ يُغَيِّرُ اللهُ كُلُّ الَّذِي كُنتَ تَظُنُّهُ لَا يَتَغَيَّرُ

“Dalam sekelip mata ALLAH dapat mengubah semua yang engkau sangka takkan berubah”.

Disini Syeikh menyuruh kita menambah keyakinan dan iqtikad .. kerana kita sudah hilang kedua-duanya di zaman sekarang.

Kata beliau lagi : “Jangan pernah kau putuskan benang-benang harapan ..

Optimislah ; harapkanlah kebaikan nescaya pasti kau akan mendapatkannya ..

jangan pernah kau masukkan putus asa ke dalam hatimu”.

Siri nombor 18

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيزَ berkata :

"Jika engkau masih mencari-cari seseorang yang dapat mengubah hidupmu .. maka lihatlah ke dalam cermin".

Makna yang dimaksudkan adalah .. dirimu .. engkau sendirilah yang akan mampu melakukan apa saja .. jika kau mahu.

Sirr (rahsia)nya ada dalam dirimu .. keluarkanlah ia.

Engkaulah *Sirr Al-Akbar* .. carilah rahsia itu dan terokailah.

Contohnya .. Al-Quranul Karim .. ia adalah teori

mempraktis kandungan Al-Quran adalah amalinya dan inilah yang dituntut dari kita untuk melakukannya.

Robbana berfirman :

﴿إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيهِ وَسَلِّمُوا تَسلِيمًا﴾

“Sesungguhnya ALLAH dan para malaikatNYA terus berselawat keatas Nabi ; wahai mereka yang beriman! Hendaklah kalian berselawat keatasnya dan ucapkanlah kepadanya salam akan sebagai salam yang sempurna”

ini teori.

Amalinya ialah engkau berselawat dan mengucap salam keatas Saiyidina Muhammad RasuluLLAH ﷺ.

Renungi .. dan fikirkanlah

nescaya engkau akan melihat bahawa tareqat adalah praktik amali bagi apa yang ada di dalam Al-Quranul Karim.

Siri nombor 19

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidna Abdun Nasir قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيزَ berkata :

النَّاجِيّ يَأْخُذُ بِيَدِ أَخِيهِ

“Yang selamat akan membimbing tangan (menyelamatkan) saudaranya”.

Makna yang dimaksudkan adalah ..
jangan kau hasad dengki
jangan membenci
jangan berdendam

jangan menyimpan marah dan kebencian terhadap saudara atau saudarimu di jalan tareqat.

Kerana jika dia selamat .. dia akan membimbing tanganmu dan menyelamatkanmu

dan kalau engkau yang selamat .. engkau akan membimbing tangannya dan menyelamatkan dia.

Fahamilah .. nescaya engkau pasti beruntung.

Siri nombor 20

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Nanti di suatu masa harapan dan hari akan tersenyum padamu ..

persangkaan kita kepada ALLAH takkan pernah hampa ..

dan engkau tak tahu ; boleh jadi apa yang kau lalui memang satu ujian panjang lagi menyakitkan

namun selepasnya akan ada kelegaan yang besar".

Terimalah dan teruslah menerima kerana engkau adalah hamba yang mentaatiNYA ..

DIA Subhanahu wa Taala sentiasa memandang dan menilikmu pada luaran dan dalaman.

﴿وَلَا تَحسَبَنَّ اللهَ غَافِلًا عَمَّا يَعمَلُ الظَّالِمُونَ﴾

"Dan jangan sekali-kali engkau mengira bahawa ALLAH leka dari apa yang dilakukan oleh mereka yang zolim" – Saiyidina Ibrahim : 42

Siri nombor 21

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"DIA yang telah mengeluarkanmu ke alam nyata dari antara tulang sulbi dan tanah ..

DIA-lah juga yang akan mengeluarkanmu dari segala bagai bencana dan musibah".

Jangan kau runsing, jangan takut, jangan jadi lemah, jangan bersedih dan jangan marah ..

AlhamduliLLAH kita ada Tuhan .. DIA Maha Tahu segala-galanya .. DIA sebelum segala-galanya .. dan DIA selepas segala-galanya.

Siri nombor 22

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Dari kehidupan ini aku telah mempelajari .. bahawa orang jahat itu walau betapa engkau menolongnya ..

satu hari nanti dia akan memudharatkanmu jua".

Adapun orang baik, walau betapa engkau memudharatkan dia dan menyakitinya .. dia akan memaafkanmu, berlapang dada denganmu, memuliakanmu dan mendekatkanmu.

Berfikir dan renungilah kepada siapa engkau mahu berteman dan bersahabat.

Siri nombor 23

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Antara kezaliman yang paling jahat ialah

apabila orang zalim berlakon menjadi mangsa

dan menuduh mangsanya yang zalim".

Ini satu penyakit yang tersebar dimana-mana ..

ia ada dalam semua lapisan masyarakat, semua perkumpulan keluarga, semua kumpulan rakan dan hubungan sesama manusia ..

dan hanya sedikit manusia yang selamat dari mengikut idea syaitan ini.

Aku pernah mendengar orang soleh berkata :

يَا مُنَجِّي .. نَجِّي

"Wahai yang Maha Menyelamat .. selamatkanlah aku".

Siri nombor 24

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

“Hanya dua perkara .. tidak ada tiganya

yang akan mengubah pandanganmu terhadap kehidupan ini ;

[1] Sakit [2] Merantau”

Sakit .. ALLAHumma ya Robbana afiatkanlah kami darinya, dari kejahatannya, dari penderitaannya, dari kuasanya, dari segala dimensi dan kesannya ..

Ketika sakitlah seorang insan akan kenal berbagai tabiat manusia lain ;

dia akan kenal siapa yang dekat dan siapa yang jauh ..
dia akan kenal siapa yang kawan dan siapa yang musuh..
dia akan kenal siapa yang hasad dengki dan siapa yang belas kasih ..
dia akan kenal siapa yang menempelak dan siapa yang hiba dengannya ..

Dikeranakan inilah menjadi sesuatu yang lumrah apabila insan itu berubah.

Adapun di perantauan .. tahukah engkau apa itu perantauan?! Cukuplah kalimat perantauan menjadi pengajaran bagi siapa yang mahu berfikir dan merenung.

Seorang Syeikh Kāmil menyebut tentang perantauan dan merantau .. saat dia sedang dalam perantauannya .. dan bicaranya ditujukan kepada semua :

يَا قَوْمِي إِنِّي غَرِيبٌ فِي دِيَارِكُمْ

"Wahai kaumku ..
sesungguhnya aku anak dagang di tanah airmu"

Ada orang jauh dari tanah air, keluarga dan mereka yang dikasihi ..

ada orang yang jauh terbuang dalam kembara menempuh jalan Akhirat ..

ada anak dagang terbiar sepi terpinggir di berbagai bentuk perantauan .. berbagai ehwal .. berbagai nafas.

Dikeranakan inilah dia wajib berubah .. dia tak punya pilihan lain ..

Perubahannya sama ada kepada kesempurnaan dan ini akan menjadikannya pemenang .. (atau …).

Siri nombor 25

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Kerana ALLAH Taala mencintaimu

DIA akan menjauhkan darimu siapa yang tidak mencintaimu".

Bagi golongan awam .. wajiblah kita mengimani dan beriqtikad bahawa ALLAH mencintai kita .. kerana DIA telah menciptakan kita.

Adapun bagi ahli tareqat .. wajiblah kita berkerja dan memakmurkan segala waktu kita dengan memperbanyak zikruLLAH dan selawat salam keatas Saiyidina wa Maulana Muhammad kekasih ALLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا sampailah ALLAH Taala jatuh cinta kepada kita.

Apabila Tuhan kita sudah mencintai kita ..
DIA akan memberi kita segala-galanya .. DIA akan menepis dan menjauhkan dari kita segala kejahatan dan para penjahat.

Demikianlah seperti yang disebut dalam hadis qudsi :

لَا يَزَالُ عَبدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبُّهُ ..

"Tetaplah abdiKU itu bertaqarrub kepadaKU dengan amalan nafilah sehingga aku mencintainya ..".

Siri nombor 26

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

مَن تَرَكَ أَمرَهُ لِلّٰهِ تَعَالَى أَعطَاهُ اللهُ فَوقَ مَا يَتَمَنَّى

“Barangsiapa menyerahkan urusannya kepada ALLAH Taala

ALLAH akan memberinya lebih dari yang diharapkan”

Ada banyak dimensi dari hikmah ini, antaranya iyalah

jangan engkau bertengkar dalam perkaramu .. agar kau tak hilang kawan

jangan engkau bersengketa soal harta warisan .. agar kau tak hilang saudara.

Jadilah orang Muslim .. yang sikapnya damai

Biarkanlah perkaramu itu ditangani ALLAH .. serahkanlah kepada ALLAH.

Siri nombor 27

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

مِن سُخرِيَّةِ الحيَاةِ .. إذَا كُنتَ بَارِدًا فَأَنتَ تُؤذِي النَّاسَ ..
وَإن كُنتَ مُرهِفَ الحِسِّ فَسَوفَ يُؤذِيكَ النَّاسُ

"Hidup ini adakalanya mengejekmu ;

kalau perasaanmu dingin, engkau akan menyakiti orang lain ..

dan kalau perasaanmu halus, orang lain pula yang akan menyakitimu".

Yang demikian adalah supaya engkau mengerti bahawa dunia tidak baik-baik saja.

Berhati-hatilah .. jadikanlah dirimu rasional dan dapat diterima

kerana di dunia ini tidak ada kompromi

bahkan engkau sendirilah yang harus berusaha keras untuk berada di posisi seimbang.

Siri nombor 28

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

قَد يَكُونُ أَقرَبُ النَّاسِ إِلَيكَ أَبعَدُهُم عَنكَ ..
وَيَكُونُ أَبعَدُهُم عَنكَ أَقرَبُهُم إِلَيكَ. فَالقُربُ بِالشُّعُورِ .. لَا بِالحُضُورِ

"Boleh jadi orang yang paling dekat denganmu sebenarnya dialah yang paling jauh ..

dan yang paling jauh darimu sebenarnya dialah yang paling dekat.

Kedekatan adalah soal rasa .. bukan kehadiran semata".

Kalau engkau mengerti ini .. maka janganlah terkejut dengan tindak tanduk orang lain.

Dunia adalah untuk mereka yang karam didalamnya ..

adapun bagi insan yang memurnikan jiwa dan menyerahkan nafsunya kepada guru *murobbi* ..

ehwalnya indah dan berbeza.

Siri nombor 29

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Saat kehidupan memberimu satu sebab untuk berputus asa

balaslah ia dengan beribu-ribu sebab untuk terus maju dan tak kecewa.

Di dunia ini tidak ada yang lebih kuat dari kemahuan manusia".

Ertinya jangan jadikan kehidupan membawamu kepada sakit, masalah dan musibah ..

sebaliknya arahkan hidupmu kepada harapan, cinta dan rindu .. untuk bertemu para kekasih ;

Saiyidina Muhammad ﷺ dan keluarga Baginda, para sahabatnya dan isteri-isterinya.

Belajarlah .. jangan kau licik dengan mereka yang berada di sekitarmu .. tapi liciklah engkau terhadap nafsu dan syaitanmu.

Siri nombor 30

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

لَا تعطِي شَخصًا أَكثَرَ مِن حَجمِهِ فَيَتَمَرَّدَ ..
وَلَا تُعطِي شَخصًا أَقَلَّ مِن قَدرِهِ فَيَرحَلَ

"Jangan memberi seseorang lebih dari ukurannya .. nanti dia melampau

jangan memberi seseorang kurang dari kadarnya .. nanti dia pergi".

Inilah persamaan seimbang bagi sebuah hubungan yang benar ..

namun kebanyakan orang tidak memikirkannya.

Contoh ..

Murid menginginkan, meminta dan mengharap segala-galanya dari syeikhnya ..

baguslah begitu .. mantap.

Ini baru separuh dari persamaan .. mengapa kau lupa separuh kedua dari persamaan ini iaitu syeikh ..

apa yang beliau inginkan, minta dan harapkan dari muridnya?.

Demikianlah juga dalam soal hubungan keluarga.

Isteri menginginkan dan meminta dari suami sambil lupa, atau melupa-lupakan, atau mengabaikan bahawa suami juga punya permintaan kepadanya. Demikianlah sebaliknya.

Begitulah sepatutnya kita dalam semua jalinan hubungan ..

wajib kita fikirkan dan renungi persamaan ini agar jalinan hubungan menjadi benar, sihat dan berjaya.

Ada satu rahsia penting disini .. saya harap ianya difahami ;

Syeikh mahu memberimu apa yang paling berharga dan paling mahal dari pihaknya

sebagai balasannya beliau mahu engkau memberinya apa yang paling mahal dan paling berharga dari pihakmu.

Sudah kau fahami rahsia ini?

Jadi, seorang syeikh itu yang pertama dia mencari siapa yang menjadi muridnya

kemudian si murid akan meningkat menjadi murid Saiyidina RasuluLLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا

kemudian menjadi murid kepada ALLAH Taala.

Dan seorang murid itu .. seorang murid sejati itu akan mencari dan punya kemahuan, mahu dan terus mahu dengan sepenuh jiwa raganya, dengan seluruh nafasnya, dengan semua detik waktunya dan dengan segala fikirannya .. kepada syeikh yang mentarbiah dirinya, memurnikannya dan meningkatkannya.

Siri nombor 31

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

اِبتَسِم .. فَسُبحَانَ مَن جَعَلَ الاِبتِسَامَةَ فِي دِينِنَا عِبَادَةً وَعلَيهَا نُؤجَر

"Tersenyumlah ..

Maha Suci-nya Tuhan yang telah menjadikan senyuman sebagai ibadah dalam agama kita dan dengan melakukannya kita beroleh pahala".

Kerana senyumanmu itu baik untuk dirimu yang pertama, dan kemudian untuk mereka yang berada di sekitarmu.

Dengannya engkau akan membuat mereka senang hati.

Kerana inilah Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا bersabda:

تَبَسُّمُكَ فِي وَجهِ أَخِيكَ صَدَقَةٌ

"Engkau senyum
kepada wajah saudaramu itu sedekah"

Sememangnya ada banyak masalah akan selesai dan lebur hanya dengan senyuman.

Siri nombor 32

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

إِذَا تَمَنَّيتُم شَيئًا فَتَمَنَّوا أَن لَا يُرِيكُمُ اللهُ خُبثَ القُلُوبِ بَعدَ أَن أَحبَبتُمُوهَا

"Kalau engkau mengharapkan sesuatu

maka berharaplah kepada ALLAH bahawa DIA tidak memperlihatkanmu

hati berubah kotor setelah sebelum ini engkau mencintainya".

Hati yang kotor adalah hati yang menyimpan kesumat, membenci, hasad dengki, berdendam, dusta, mereka-reka cerita, menyebar desas-desus dan fitnah ..

Hati yang kotor adalah hati yang tiada toleransi, tidak memaafkan, tak tahu mengalah untuk meminta maaf, tak tahu menerima permintaan maaf dan memutuskan hubungan.

Siri nombor 33

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

من يهزم رغباته أشجع ممن يهزم أعدائه ..
لأن أصعب انتصار هو الانتصار على الذات

"Orang yang mampu mengalahkan berbagai keinginan diri lebih pahlawan dari orang yang dapat mengalahkan musuh di luar dirinya

kerana kemenangan yang paling sulit dicapai adalah menang melawan diri sendiri".

Siri nombor 34

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

يَتَغَيَّرُ الإِنسَانُ فِي حَالَتَينِ ؛ 1) إِذَا زَادَ وَعيُهُ 2) أَو كُسِرَ قَلبُهُ

"Manusia akan berubah dengan dua keadaan ;

pertama, apabila kesedarannya bertambah

atau yang kedua apabila remuk redam hatinya".

Kesedaran dapat bertambah apabila dia ber-*suhbah* (berdamping berguru) kepada syeikh

mendengarkan tarbiahnya

menghadiri majlis-majlisnya

dan berpegang teguh dengannya.

Adapun remuk redam hati .. ini ada banyak maknanya.

Saya sebutkan disini dua makna ;

yang pertama .. untuk membuka hati .. ia perlu diremukkan, dihancurkan .. apabila remuk akan masuklah nur.

Yang kedua .. Robbana Azza wa Jalla berfirman :

أَنَا عِندَ المُنكَسِرَةِ قُلُوبُهُم

"AKU bersama mereka yang remuk redam hatinya"

Singkat cerita, kesedaranmu akan bertambah .. bererti engkau menjalani peningkatan diri, apabila nur masuk ke hatimu .. akan bersinarlah ia.

Siri nombor 35

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

الإِفرَاطُ فِي جِدِّيَّةِ القَولِ يَجلِبُ المَلَلَ ..
وَالإِفرَاطُ فِي الهَزَلِ يَجلِبُ الاِحتِقَارَ

"Terlampau serius dalam bicara akan mendatangkan bosan ..

terlampau dalam senda gurau akan mendatangkan penghinaan".

Siri nombor 36

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

تَظَاهَر بِأَنَّكَ بِخَيرٍ مَهمَا عَصَفَت بِكَ الحَيَاةُ ..
فَالكِتمَانُ أَجمَل بِكَثِيرٍ مِن شَفَقَةِ الآخَرِينَ عَلَيك

"Kau buat-buatlah bahawa dirimu baik-baik saja walau sekeras apa badai kehidupan menghentam-mu

kerana menyembunyikan semua itu terlebih indah dari simpati orang lain keatasmu".

Siri nombor 37

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

أَحسِن نِيَّتَكَ يُحسِنُ اللهُ حَالَتَك ..

وَتَمَنَّى الخيَرَ لِغَيرِكَ يَأتِيكَ الخيَرَ مِن حَيثُ لَا تَحتَسِبُ

"Baikkanlah niatmu

nescaya ALLAH akan membaikkan ahwalmu

dan harapkanlah orang lain mendapat kebaikan

nescaya kebaikan akan mendatangimu dari punca yang kau tak sangka".

Siri nombor 38

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

دَائِمًا ضَع هَذَا فِي عَقلِكَ .. أَفعَالُ النَّاسِ أَفضَلُ مُتَرجِمٍ لِأَفكَارِهِم

“Sentiasa sematkan ini dalam akalmu ..

perbuatan masyarakat manusia adalah penterjemah terbaik bagi fikiran mereka”.

Siri nombor 39

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

لَن تَجِدِ الهُدُوءَ أَبَدًا إِن كَانَ مَصدَرُ الضَجِيجِ بِدَاخِلِك

"Selama-lamanya engkau takkan beroleh ketenangan

jika punca keributan adalah dari dalamanmu sendiri".

Siri nombor 40

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

إِيش المُشكِلَة ..
فَلِيَنكَسِر قَلبُكَ مَرَّةً تِلوَ الأُخرَى وَإِلَّا فَكَيفَ لَهُ أَن يَنفَتِحَ

"Apa masalahnya?!

Biarkan saja hatimu remuk redam sekali dan berkali-kali, kalau tidak bagaimana ia akan terbuka?!".

Siri nombor 41

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

إِيَّاكَ وَكَسرَ الخَوَاطِرِ فَإِنَّهَا لَيسَت عِظَامًا .. بَل إِنَّهَا أَروَاحًا تُقهَر

"Jangan pernah kau melukai hati orang lain kerana hati bukan seperti tulang (yang kalau patah dapat dirawat)

ia adalah soal jiwa yang disakiti (... mungkin takkan sembuh sampai bila-bila)".

Kerana inilah ada pepatah orang dahulu :

جَبرُ الخَوَاطِر عَلَى اللهِ

yang maknanya : *"Berbuat baiklah kepada orang lain (tanpa mengharap balasan) .. biarlah ALLAH yang membalasmu"*.

Makna yang sama juga seperti kata orang :

مَا عُبِدَ اللهُ تَعَالَى .. مِثل جَبرُ الخَوَاطِر

"Tiadalah ibadat kepada ALLAH Taala yang seperti menjaga perasaan orang lain".

Siri nombor 42

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

لَا تَجعَل هَمًّا وَاحِدًا يُنسِيكَ أَلف مِنَ النِّعَم

“Jangan kau jadikan satu kerunsingan

membuatmu lupa seribu nikmat”.

Kalau mampu kau melakukan yang demikian itu ertinya dirimu dari kalangan solihin.

Siri nombor 43

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Jangan pernah kau lupa dari memuliakan dan mentakzim seorang guru yang melaluinya terzahir bagimu satu futuh

sikap memuliakan, takzim dan hormat adalah anak kunci yang amat penting untuk bertambahnya berbagai imdād (pertolongan rohani), kebaikan, sirr dan nur.

Jangan kau ghaflah dari hakikat ini".

Dengannya jadilah engkau dari kalangan murid sejati.

Siri nombor 44

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Jangan kau hidangkan makanan hikmah-mu

melainkan kepada orang yang kau dapati dia amat berhajat kepadanya

jika tidak maka kau sembunyikanlah ia (jangan dizahirkan).

Al-Quranul Karim telah berkata :

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلفُقَرَاءِ وَالمَسَاكِينَ﴾

"Demi sesungguhnya segala sedekah itu hanya untuk mereka yang faqir dan miskin" - At-Taubah : 60

Siri nombor 45

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

“Barangsiapa yang mahu melihat berbagai hijab

maka lakukanlah hijab nescaya dia melihatnya.

Barangsiapa yang mahu disingkap baginya segala hijab

sedangkan dia tidak melakukan apa yang dapat menyingkap hijab itu

dia umpama orang yang ingin memetik anggur dari kaktus berduri”.

Siri nombor 46

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Semakin engkau berjalan dengan pandangan syeikhmu

akan sedikitlah salahmu di perjalanan itu

dan akan banyaklah benarmu padanya.

Semakin engkau berjalan dengan pandanganmu sendiri

akan sedikitlah benarmu di perjalanan itu

dan akan banyaklah salahmu padanya".

Siri nombor 47

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

هِمَّتُكَ إِذَا كَانَ مَدَدُهَا (مَطلَبُكَ) عَالَمَ الحِسِّ .. أَمَدَّكَ اللهُ بِعَالَمِ الحِسِّ

وَإِن كَانَ هِمَّتُكَ فِي (مَطلَبِكَ) عَالَمَ المَعَانِي .. أَمَدَّكَ اللهُ بِالمَعَانِي

"Jika hemahmu untuk menuntut alam hissi (materi)

ALLAH pun akan menghulur kepadamu alam hissi

Adapun jika hemahmu untuk menuntut alam maknawi

nescaya ALLAH akan menghulur kepadamu segala maknawi".

Siri nombor 48

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

كَلِمَةُ الرَّجُلِ مِثلُ ابنَتِه ..

وَالرَّجُلُ لَا يُزَوِّجُ ابنَتَهُ إِلَّا مَن يَبِرُّهَا وَيُحسِنُ إِلَيهَا

"Perkataan seorang lelaki terhormat ibarat anak gadisnya

dan seorang lelaki terhormat takkan mengkahwinkan anak gadisnya

melainkan kepada suami yang akan mengasihi dan berbuat baik kepada anaknya itu".

Siri nombor 49

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata kepada khalifah dan pewaris *sirr*nya :

يَا وَلَدِي .. الدُّنيَا مَا أَغنَت مَولَاهَا (الَّذِي مَلَكَ فِيهَا كُلَّ شَيءٍ) قَطّ. الغَنِيُّ لَا يَكُونُ إِلَّا بِرَبِّهَا وَخَالِقِهَا فقَط.

"Wahai anakku ..

dunia ini tak pernah dapat mengkayakan Tuhannya (yang segala apa yang di dunia ini adalah milikNYA).

Kaya hakiki itu takkan berlaku melainkan hanya dengan Tuhan pemilik dunia dan penciptanya".

Bak kata pepatah :

تَسعَى يَا ابنَ آدَم سَعيَ الوُحُوش .. وَغَيرَ رِزقَك مَا تحُوش (تَملِك)

"Wahai anak Adam! Usahamu memburu dunia bagai binatang buas .. tapi kalau bukan rezekimu, takkan kau dapat".

Siri nombor 50

Dari hikmah dan pengalamannya ..

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

شَتَّانَ بَيَنَ مَن يُضَيِّقُ عَلَى نَفسِهِ الحَقِيقَةَ وَيَعِيشُ دَائِمًا فِي الضِّيقِ .. وَبَيَنَ مَن يُوَسِّعُ عَلَى نَفسِهِ الحَقِيقَةَ وَيَعِيشُ دَائِمًا فِي السَّعَةِ وَيَعِيشُ فِي سَعَةٍ وَسَعَادَةٍ وَعِيشٍ رَغدٍ .. وَمَن يُضَيِّقُ عَلَى نَفسِهِ عَاشَ فِي هَمٍّ وَغَمٍّ وَنَكَدٍ

"Amat jauh berbeza antara

orang yang mempersempit hakikat keatas dirinya

dan sentiasa hidup dalam kesempitan ..

dengan orang yang memperluas hakikat keatas dirinya

dan sentiasa hidup dalam keluasan ;

dia menjalani hidup yang lapang, bahagia dan sentosa.

Siapa yang mempersempit keatas dirinya

hiduplah dia dalam kerunsingan, dukacita dan kejengkelan".

Siri nombor 51

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

“Sembunyikanlah hakikat dari semua makhluk .. demi cemburu (memelihara) keatasnya

melainkan bagi ahlinya .. dan amat sedikit mereka itu.

Dan jangan kau berikan hikmah kepada yang bukan ahlinya ; dengan memberinya engkau menzalimi hikmah itu

dan jangan kau menghalang hikmah dari ahlinya ; dengan menghalangnya engkau menzalimi mereka."

Dengan ukuran apa kita dapat menentukan itu???

(Kita takkan dapat mengukurnya) jika tidak mengamalkan segala zikir dan hizb yang telah kita ambil dengan janji setia untuk membacanya ..

(kita takkan dapat mengukurnya) jika tak mengikut dan mentaati syeikh.

Itulah yang namanya *talqīn*.

Siri nombor 52

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Telah ku dengar dari ayahku :

Perumpamaan mereka yang menyakiti ahli nisbah As-Syaziliyyah

ibarat orang yang memasukkan tangannya kedalam nyala api

sememangnya dia takkan keluar dengan selamat

dan tangannya akan binasa serta merta".

Siri nombor 53

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Adalah Syeikh-ku menukil kata pujangga :

أدب العبد تذلل * والعبد لا يدع الأدب

Adabnya seorang abdi
adalah menghina diri
tidaklah akan seorang abdi
tinggalkan adab sama sekali

فإذا تكمل له ذله * نال المودة واقترب

Pabila sempurna hina dirinya
mawaddah[6] *pun pasti didapatnya*
dan lagi hampir (kepada Tuannya)

[6]- perhatian dan cinta

Siri nombor 54

Al-Quthb Sidi Al-`Arabi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

“Adalah Syeikh-ku memberi perumpamaan dengan ungkapan Sidi As-Syusytari :

فلي محبوب إنما هو غيور * تراه يطل كطير حذور

Ada bagiku seorang kekasih
sungguh dia amat cemburu
dia bagai burung menjengah ;
amat waspada, berhati-hati

إن رأى في القلب شيئا * امتنع أن يزور

kalau dilihatnya di dalam hati
ada sesuatu yang lain
engganlah dia masuk berkunjung

Siri nombor 55

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

“Bahawa setiap jiwa itu akan merasai mati

melainkan bagi jiwa yang hidup .. dan mengikut tareqat

dengan kesungguhan dan kerja keras .. dan mujahadah melawan nafsunya”.

Jadi

tidaklah semua jiwa akan merasai kematian".

Siri nombor 56

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Alangkah bahagia orang yang mendapat syeikhnya ..

lalu dia mengikutnya, mentaatinya dan mencintainya;

semua orang mendengar suaraku

tapi hanya syeikhku yang mendengar hatiku".

Hal ini jika dirimu murid sejati.

Siri nombor 57

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

فَعِندَمَا تُقَرِّرُ أَن تَبدَأَ رِحلَتُكَ إِلَى اللهِ تَعَالَى ..
يَظهَرُ لَكَ الطَّرِيقُ .. وَرَفِيقُكَ فِي الرِّحلَةِ شَيخُكَ

"Saat engkau telah memutuskan

untuk memulakan kembaramu menunju ALLAH Taala

jalannya pun akan terzahir untukmu

dan temanmu dalam perjalanan ini adalah syeikhmu".

Maka wajiblah engkau mencintai syeikhmu agar kau menikmati perjalananmu.

Siri nombor 58

Al-Quthb Sidi Jalaluddin قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

“.. dan keindahan itu akan menarik keindahan jua (dalam maknawi)

kalau suka kau bacalah itu dalam firmanNYA :

﴿وَالطَّيِّبَاتُ لِلطَّيِّبِينَ وَالطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَاتِ﴾

“Dan para wanita yang baik-baik itu untuk para lelaki yang baik-baik, dan para lelaki yang baik-baik itu untuk para wanita yang baik-baik".

Siri nombor 59

Aku telah mendengar Hadis Musalsal Hari Raya ini dari Al-Muhaddist Sidi Al-Fadani رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُ di kediamannya di kota Makkah Al-Mukarromah pada tahun 1409 Hijriyyah

dan beliau berkata kepadaku :

سَمِعتُ مُسَلسَل بِيَوم العِيدِ الفِطرِ وَالأَضحَى مِن 11 أَحَدَ عَشَر شَيخ وَمُحَدّث وَعَالِم

"Aku telah mendengar Musalsal Hari Raya Iedul Fitri dan Iedul Adha dari sebelas orang syeikh, muhaddis dan alim". Hadis mulia ini adalah :

Dari Saiyidina Abdullah Ibnu Saiyidina Al-Abbas رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُمَا, رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ وَنَفعنَا بِهِ فِي الدَّارَينِ وَأَرضَى بِهِمَا عَنَّا beliau berkata :

"Aku telah Bersama Saiyidina wa Maulana RasuluLLAH صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا masa hari raya Iedul Fitri dan Iedul Adha ; apabila Baginda صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا selesai dari solat Baginda pun menghadapkan wajahnya yang mulia صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا kepada kami, lantas Baginda صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا bersabda :

أَيُّهَا النَّاسُ .. قَد أَصَبتُم خَيرًا فَمَن أَحَبَّ أَن يَنصَرِفَ .. فَلَينصَرِف، وَمَن شَاءَ أَن يُقِيمَ حَتَّى يَسمَعَ الخُطبَةَ فَليُقِم

.

"Wahai sekalian manusia .. sesungguhnya kamu telah beroleh kebaikan

maka barangsiapa yang suka untuk beredar dipersilakanlah

dan barangsiapa yang mahu terus duduk supaya dia mendengar khutbah, maka dipersilakanlah".

Hadis ini biasanya diriwayatkan pada hari raya pertama, atau hari-hari lain selepas hari raya pertama, atau pada mana-mana hari sepanjang tahun ..

akan tetapi yang afdhalnya pada hari raya pertama.

Dan kamu pula wahai si pecinta Saiyidina RasuluLLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا

bergembira dan syukurilah ALLAH atas nikmat ini ;

bahawa dirimu telah dimasukkan dalam senarai rijal sanad hadis ini tanpa ada permintaan darimu dan tanpa kenal terlebih dahulu.

الحَمدُ لِلّٰه وَالشُّكرُ لِلّٰه .. وَالفَضلُ لِلّٰه وَالمَنُّ لِلّٰه

Siri nombor 60

Dalam Hadis Nabawi dan dalam yang mulia dan juga dalam *atsar* dinyatakan

barangsiapa melazimi yakni membaca pada setiap hari ; pagi dan petang

sepuluh ayat pertama dari Surah Al-Kahfi

nescaya dia terpelihara .. dia terlindung dari Dajjal

dari segala fitnahnya .. dan dari segala bagai yang berkait dengan *marketing* Dajjal ; dia tuhan, atau penyelamat, atau sang ratu adil, atau kebebasan beragama, atau agama Ibrahim/Millah Abraham, atau *one world government* atau apa saja yang berkait dengannya ..

(dengan 10 ayat ini) engkau akan jadi cerdik, sentiasa sedar dan waspada.

Sepuluh ayat ini kau hafazlah ia dan sungguh-sungguhlah melaziminya lebih dari engkau menjaga makan minum dan kerehatanmu .. kerana padanya ada keselamatan untukmu dan untuk mereka yang kau cintai.

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ عَلَىٰ عَبۡدِهِ ٱلۡكِتَٰبَ وَلَمۡ يَجۡعَل لَّهُۥ عِوَجَاۜ (1) قَيِّمٗا
لِّيُنذِرَ بَأۡسٗا شَدِيدٗا مِّن لَّدُنۡهُ وَيُبَشِّرَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ
لَهُمۡ أَجۡرًا حَسَنٗا (2) مَّٰكِثِينَ فِيهِ أَبَدٗا (3) وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُواْ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ
وَلَدٗا (4) مَّا لَهُم بِهِۦ مِنۡ عِلۡمٖ وَلَا لِأٓبَآئِهِمۡۚ كَبُرَتۡ كَلِمَةٗ تَخۡرُجُ مِنۡ
أَفۡوَٰهِهِمۡۚ إِن يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبٗا (5) فَلَعَلَّكَ بَٰخِعٞ نَّفۡسَكَ عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِمۡ
إِن لَّمۡ يُؤۡمِنُواْ بِهَٰذَا ٱلۡحَدِيثِ أَسَفًا (6) إِنَّا جَعَلۡنَا مَا عَلَى ٱلۡأَرۡضِ زِينَةٗ لَّهَا
لِنَبۡلُوَهُمۡ أَيُّهُمۡ أَحۡسَنُ عَمَلٗا (7) وَإِنَّا لَجَٰعِلُونَ مَا عَلَيۡهَا صَعِيدٗا جُرُزًا (8)
أَمۡ حَسِبۡتَ أَنَّ أَصۡحَٰبَ ٱلۡكَهۡفِ وَٱلرَّقِيمِ كَانُواْ مِنۡ ءَايَٰتِنَا عَجَبًا (9) إِذۡ
أَوَى ٱلۡفِتۡيَةُ إِلَى ٱلۡكَهۡفِ فَقَالُواْ رَبَّنَآ ءَاتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحۡمَةٗ وَهَيِّئۡ لَنَا مِنۡ
أَمۡرِنَا رَشَدٗا (10)

Siri nombor 61

Al-Quthb Sidi Ahmad قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

Barangsiapa membaca tiap hari .. selepas solat subuh .. sebelum dia bercakap dengan sesiapa .. atau sebelum bangun dari tempat solatnya

tiga ayat pertama dari Surah Al-An'ām .. enam kali

ertinya tiga ayat ini diulang baca enam kali. Yaitu :

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَجَعَلَ الظُّلُمَاتِ وَالنُّورَ ۖ ثُمَّ
الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ (1) هُوَ الَّذِي خَلَقَكُم مِّن طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰ أَجَلًا
وَأَجَلٌ مُّسَمًّى عِندَهُ ۖ ثُمَّ أَنتُمْ تَمْتَرُونَ (2) وَهُوَ اللَّهُ فِي السَّمَاوَاتِ وَفِي
الْأَرْضِ ۖ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَا تَكْسِبُونَ (3)

Barangsiapa melaziminya

nescaya rezekinya yang *hissi* (materi) takkan putus ;

dia akan beroleh pekerjaan .. dapat kerja

ALLAH Taala akan merezekikannya ;

dia akan baik-baik saja dalam soal rezeki *hissi*.

Jika dirimu punya akal waras cubalah amalan ini dan berikanlah kepada sesiapa yang memerlukannya ..

dan cintailah untuk saudaramu apa yang kau cintai untuk dirimu.

Jadikan juga orang lain beroleh kebaikan .. sepertimana kau suka dirimu mendapat kebaikan.

Siri nombor 62

Kalangan Awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم berkata :

Masyarakat manusia .. Bani Adam .. dalam soal iman, iqtikad dan fikiran mereka pada mengenali hadrat junjungan Saiyidina wa Maulana RasuluLLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا

dapat dibahagikan kepada lima kategori.

Perkara ini amat penting .. saya menyukainya

dan sukalah saya mengkongsikannya dengan tuan-puan yang dikasihi tak kira dimana saja.

Awliya' menyusun kategori ini dari bawah ke atas ; ke tahap paling tinggi dan paling sempurna.

Jika kita memahaminya .. nescaya banyaklah yang dapat kita fahami dan tahulah kita bagaimana membezakan ..

ini ikut rezeki-lah

dan siapa saja yang berusaha pasti mendapat bahagian dari hasilnya.

Kategori pertama :
Orang yang menganggap Saiyidina wa Maulana RasuluLLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا telah datang menyampaikan *risalah samawi* kemudian dia sudah mati .. sudah habis urusannya.

Inilah kaum *orientalist* serta para pengekor dan pengkagum mereka dari kalangan pemikir dan kelompok muallaf/saudara baru.

Idea dan pemikiran mereka terkepung dalam firman Robbana Azza wa Jalla :

﴿وَقَالُوا مَالِ هَـٰذَا الرَّسُولِ يَأْكُلُ الطَّعَامَ وَيَمْشِي فِي الأَسوَاقِ﴾

"Dan mereka berkata: "Mengapa pula rasul ini makan minum dan berjalan di pasar-pasar (ertinya dia sama saja seperti orang lain)?!" - Al-Furqan : 7

Kategori kedua :
Orang yang beranggapan bahawa Saiyidina wa Maulana RasuluLLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا

Baginda telah menunaikan amanah, telah menyampaikan risalah, telah menasihati umat dan kemudiah telah mati .. dan kita tidak boleh bertawassul dengan Nabi .. tidak boleh *istighosah* (minta tolong) dengan Nabi .. kerana Nabi sudah mati .. yang sudah mati tidak dapat lagi memberi mudarat atau manfaat.

Golongan ini adalah gerakan-gerakan Islami dengan segala nama dan rupanya

kerana idea dan pemikiran mereka tertumpu dalam firman Robbana Azza wa Jalla :

﴿إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُم مَّيِّتُونَ﴾

"Sesungguhnya dirimu (ya RasulALLAH) akan mati dan mereka juga akan mati" - Az-Zumar : 30

Kategori ketiga :
Orang yang melihat bahawa Saiyidina wa Maulana RasuluLLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا

adalah seorang Nabi juga Rasul dan kuburnya di Madinah Al-Munawwarah .. mereka pun datang menziarahinya ketika haji dan umrah sahaja .. dan terima kasih banyak.

Ini adalah umum kaum Muslimin Muslimat

kerana idea dan pemikiran mereka menumpu dalam firman Robbana Azza wa Jalla :

﴿مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ اللَّهِ﴾

"Muhammad adalah Rasul (utusan) ALLAH"
-Al-Fath : 29

Kategori keempat :
Orang yang melihat bahawa Saiyidina wa Maulana RasuluLLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيماً

adalah insan *Al-Habīb Al-Muqorrob* (kekasih dampingan) bagi ALLAH Taala

mereka melihat Baginda adalah pemilik syafaat dan *wasilah* (perantara kepada ALLAH).. selawat dan salam keatas Baginda menjadi mikraj mereka dan Baginda-lah yang meningkatkan mereka kepada maqam-maqam iman kerana Robbana Azza wa Jalla berfirman :

﴿وَيُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِينَ وَرَحْمَةٌ لِّلَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ ۚ﴾

"..dan dia (RasuluLLAH) mengimankan bagi mereka yang beriman, dan dia adalah rahmat bagi mereka yang beriman dari kalian" - At-Taubah : 61

mereka adalah golongan Mukminin Mukminat serta para murid lelaki dan wanita kalangan ahli tareqat-tareqat sufi sunni Islami dengan semua namanya jika syeikhnya yang sekarang punya izin, *wāsil* (sampai) dan *muwasshil* (menyampaikan).

Idea dan pemikiran mereka menumpu dalam firman Robbana Azza wa Jalla pada dua ayat ini :

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ ۚ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

"Sesungguhnya ALLAH dan para malaikatNYA terus berselawat keatas Nabi ; wahai mereka yang beriman! Hendaklah kalian berselawat dan ucapkanlah salam sejahtera keatasnya akan sebagai salam yang sempurna" - Al-Ahzab : 56

﴿وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَّلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا﴾

"Dan jikalau mereka tatkala mereka menzalimi diri mereka sendiri, mereka pun datang kepadamu (ya RasulALLAH) lalu mereka istighfar kepada ALLAH dan RasuluLLAH juga istighfarkan untuk mereka, pasti mereka mendapati ALLAH Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani" - An-Nisa' : 64

Kategori kelima :
Orang yang melihat Saiyidina wa Maulana RasuluLLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا

sebagai *Rōh Al-Wujūd* (roh bagi kewujudan ini) dan penyebab bagi segala yang diadakan .. lagi Baginda itu ada di tiap masa dan tempat

kerana Baginda adalah yang pertama dari *al-khalq* dan *al-amr* yang ertinya Baginda diciptakan sebelum penciptaan masa kerana masa bermula dengan terciptanya matahari

dan Baginda diciptakan sebelum penciptaan tempat kerana tempat terletak dan tertentu dengan penciptaan arasy.

Mereka adalah ahli maqam-maqam *ihsān*, *al-wilāyah* dan *as-siddiqiyyah* .. mereka berbicara dengan Baginda dalam jaga dan tidur .. dengan jalan *mukāsyafah*, *musyāhadah*, *'iyān* dan *fathun mubin*.

Dalil-dalil mereka dalam perkara ini banyak dan berbagai ..

antaranya firman Robbana Azza wa Jalla :

﴿وَاعلَمُوا أَنَّ فِيكُم رَسُولَ اللهِ﴾

"Dan ketahuilah bahawa pada kalian ada RasulaLLAH"

- Al-Hujurat : 7

Siri nombor 63

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan

apa yang memberi faedah bagi siapa yang mahu mengambilnya.

Kerana kita sekarang hidup di zaman yang membuat kita tak tahu mana yang salah dan mana yang betul.

Penyebabnya adalan serangan pemikiran global yang sistematik lagi tersebar amat pantas dan penuh bertenaga atas faktor internet ..

Maka saya .. setiap kali tertarik dengan suatu idea, atau hikmah, atau, pandangan, atau isyarat, atau sikap ..

saya suka untuk mengkongsikannya ; yang pertama untuk diri saya sendiri dan kemudian untuk sesiapa yang mahu serta punya persediaan untuk peningkatan.

Pesanan-pesanan ringkas ini amat diperlukan oleh insan masa kini lebih dari zaman-zaman yang telah lalu

agar dirinya tak lelah dan sakit akibat dari tindakan pihak-pihak lain, dari tindak balas mereka dan juga dari

tidak balas kita sendiri yang kadang-kadang adalah puncanya.

Ubat penawar ini bagi siapa yang mahu.

Siapa yang tak mahu ubat .. terserahlah.

Contohnya ..

“Masa hidup ini tidaklah panjang untuk patut kita mencuba segala-galanya

dan tidak juga pendek untuk patut kita mengingat segala-galanya

namun adalah indah jika kita mengetahui bahawa ia tak bernilai apa pun.

Pandanglah keindahannya dan ia tak punya nilai apa pun”.

Siri nombor 64

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

"Jangan kau bakar hatimu dengan hasad

jangan kau bunuh ia dengan dendam

jangan kau buat ia menderita dengan kesumat

tapi hiduplah dengan hati yang sentosa

dengan fikiran yang tenang

dan biarkanlah makhluk ditangani oleh Al-Khōliq (yang Maha Pencipta)".

Siri nombor 65

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

“Jangan berlebih-lebihan dalam mujāmalah[7] *agar kau tak tercebur dalam telaga kemunafikan*

dan jangan berlebih-lebihan dalam berterus terang agar kau tak jatuh dalam lumpur kurang ajar”.

[7] - Dalam budaya Melayu, etika *mujamālah* dapat diertikan sebagai sikap bermanis mulut dan ajak-ajak ayam.

Siri nombor 66

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

"Pelajarilah diam .. dari orang becok (yang banyak cakap .. semua benda dia nak cakap)

belajarlah bermudah cara .. dari orang taksub (keras tegar .. pendapat dia saja yang benar)

dan belajarlah kelemah lembutan .. dari orang kasar".

Kerana ini disebut pepatah :

الشَّيءُ يُعرَفُ بِضِدّه

"Sesuatu itu dikenal dengan lawannya".

Dikeranakan inilah kehidupan itu sebuah sekolah

dan tareqat itu sebuah universiti.

Siri nombor 67

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

"Dalam soal membantu orang lain .. kau jadilah budiman bagai aliran sungai.

Dalam soal rahmat dan nilai murni .. kau jadilah penyinar bagai sang suria.

Dalam soal menutup salah silap dan keaiban orang lain .. kau jadilah gelita bagai malam.

Dalam soal marah .. kau jadilah bagai mayat.

Dalam soal malu dan merendah diri .. kau jadilah bagai tanah.

Dan dalam soal berlapang dada .. kau jadilah bagai laut".

Siri nombor 68

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

"Dalam kehidupan yang sedang kita lalui ini

ada beberapa orang .. yang kita cintai

dan ada beberapa orang .. yang mencintai kita.

Berilah kepedulian untuk yang mencintaimu .. lebih dari untuk yang kau cintai

kerana yang mencintaimu .. dia semata-mata memberi kepadamu

sedangkan yang kau cintai .. dia semata-mata mengambil darimu".

Hikmah ini benar lagi nyata mujarabnya .. beginilah pengalaman hidupku dan aku masih terus mengalaminya.

Siri nombor 69

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

“Memang indah kalau kau dapat menjadi seperti laut ;

pada luaranmu tenang, anggun dan menyenangkan.

Semua pihak pun mengambil faedah dan kebaikan darimu ..

Adapun dalaman dirimu ada alam yang teramat dalam

yang ia tidak kau beri melainkan kepada siapa yang kau mahu”.

Dan inilah dia seorang Syeikh Tareqat.

Siri nombor 70

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

"Hidup ini ibarat bulan ;

adakalanya kau lihat ia bulat dan penuh dengan sinar memancar

dan ada kalanya kau lihat ia kosong dan suram.

Demikianlah saat hari-hari perayaan .. rumah emak ayah pun penuh dengan anak cucu

habis cuti raya .. semua pergi .. rumah emak ayah pun kosong kembali, sepi dan menyedihkan.

Beginilah dunia .. dan kita menjalani hidup diatasnya
seperti laut yang pasang dan surut ..
seperti pergantian malam dan siang.

Agar kita mengetahui sebuah hakikat nan penting .. bahawa dunia ini tidak kekal dalam satu hal semata .. ia berubah dan terus berubah.

Kerana dunia adalah negeri kembara .. perpindahan".

Siri nombor 71

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

“Cinta itu .. berterusan, kemurnian dan kesetiaan ;

bagi yang mencintai dia tidak tahu bagaimana membenci.

Kebencian itu .. kematian, kesengsaraan dan kesakitan ;

bagi yang membenci dia tidak tahu apa itu cinta”.

Siri nombor 72

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

“Orang pesimis melihat kesusahan dalam tiap peluang

adapun orang optimis ..

dia melihat peluang dalam tiap kesusahan”.

Kerana inilah Sidnan Nabi ﷺ bersabda :

تَفَاءَل بِالخَيرِ تَجِدهُ

"Berharaplah yang baik nescaya engkau akan memperolehinya"

Siri nombor 73

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

“Biasakanlah dirimu untuk berlapang dada memaafkan orang lain.

Jangan menyimpan perasaan-perasaan negatif dalam jiwamu.

Jangan sia-siakan tenaga dan waktumu

dengan memikirkan siapa yang menjadi penyebab penderitaanmu”.

Bak kata orang zaman dahulu :

خَلِّيهَا عَلَى اللهِ

"Biarkanlah saja kepada ALLAH"

Semuanya akan berlalu pergi ..

yang baik akan pergi dan yang jahat pun akan pergi .. lepaskanlah .. biarlah ia pergi.

Siri nombor 74

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

"Ada orang yang membuatmu serba salah dengan perangainya (pelajarilah darinya bahawa engkau harus punya adab dan akhlak)

dan ada orang yang melukakanmu dengan perangainya (pelajarilah bahawa engkau jangan menyakiti dan jangan menzalimi siapa pun)".

Beza antara يُحرِجُكَ (membuatmu serba salah) dengan يُجرِحُكَ (melukakanmu) hanya satu titik antara ح dengan ج.

Tapi maknanya besar.

Siri nombor 75

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

"Saat engkau sedang marah

hindarilah dari menetap keputusan

atau membuat teguran.

Kerana marah akan mengeluarkan apa yang paling buruk dari dalaman kita".

Siri nombor 76

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم berkata :

"Kalau kau ceritakan rahsiamu kepada angin

maka jangan kau salahkan angin

kalau nanti pokok-pokok bercerita-cerita tentangnya".

Siri nombor 77

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pun menuturkan :

“Putus asa akan menyebabkan turunnya nisbah cortisone dalam darah

marah pula akan menyebabkan peningkatkan adrenalin dan tiroksin dalam darah dengan nisbah yang besar.

Apabila manusia itu menyerahkan dirinya kepada pusaran marah, kebimbangan, kerisauan dan putus asa

dia dengan mudahnya akan menjadi mangsa ulser perut, diabetis, sindrom iritasi usus dan kompilasi penyakit thyroid ..”

kata orang .. ini adalah penyakit-penyakit yang tiada rawatannya.

Siri nombor 78

Dari hikmah dan pengalaman mereka ..

kalangan awliya' رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم berkata :

“Kebanyakan orang tak mengingati apa yang telah kau lakukan demi mereka

bahkan yang mereka ingati adalah apa yang engkau lemah dari melakukannya”.

Siri nombor 79

Al-Quthb Sidi Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ berkata :

Al-Quthb Sidi Al-Munāwi meriwayatkan dalam syarah besarnya bagi kitab Al-Jāmi' As-Shoghir :

Tatkala turunnya *Basmalah* yang mulia (بسم الله الرحمن الرحيم) bergetarlah gunung-ganang kerana turunnya itu

dan berkatalah malaikat Zabaniyah .. barangsiapa membacanya tidaklah dia masuk neraka.

Ia mengandungi 19 huruf .. ertinya dibaca 19 kali selepas tiap solat fardhu

mengikut bilangan malaikat yang ditugaskan menjaga neraka.

Dengannyalah ALLAH Taala mendirikan kerajaan Saiyidina Sulaiman عَلَيهِ السَّلاَمُ.

Dan barangsiapa menulis *Basmalah* 625 kali .. dan dibawanya bersama, nescaya ALLAH akan memakaikannya kehebatan yang agung dalam hati manusia .. dan tidaklah sesiapa dapat menyakitinya dengan izin ALLAH Taala.

Tulisan seumpama ini hendaklah menggunakan kertas putih tak bergaris .. pena yang digunakan boleh pensil atau pen dakwat kering tak kira warna apa ; lebih afdhal dakwat hitam atau merah.

Siri nombor 80

Al-Quthb Sidi Ahmad رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ berkata :

Dan lagi antara *khowās* (khasiat) *Basmalah* yang mulia seperti kata kalangan awliya' رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُم وَعَنَّا بِهِم .. آمين[8]

barangsiapa menulisnya pada kertas yang tak bergaris .. ditulis dengan pen dakwat kering atau pensil

pada hari pertama dari bulan Muharram sahaja
113 kali

dan dibawanya bersama nescaya dia takkan ditimpa sesuatu yang tak disukai seumur hidupnya.

Perhatian : Penting untuk kita melakukannya agar terjaga dari kejahatan segala syaitan jin dan manusia .. khususnya di zaman sekarang.

---

[8] - semoga ALLAH meredhoi mereka dan dengan mereka semoga DIA meredhoi kita .. amin.

Siri nombor 81

Al-Quthb Sidi Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ berkata :

Dan lagi antara *khowās Basmalah* yang mulia seperti yang diriwayatkan dari kalangan solihin
رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَعَنَّا بِهِم .. آمين

bahawa dia berkata :

Barangsiapa membaca
بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم
12,000 kali

sesudah tiap seribu kali dia solat dua rakaat
kemudian berselawat keatas Sidnan Nabi ﷺ dan meminta hajatnya kepada ALLAH .. kemudian menyambung bacaannya

apabila genap seribu dia melakukan seperti yang tadi

demikianlah hingga selesai bilangan yang tersebut

pada bila-bila waktu .. dan yang afdhalnya selepas tengah malam.

Barangsiapa melakukannya .. nescaya tertunailah hajatnya

tidak kira apa .. dengan izin ALLAH Taala.

Siri nombor 82

Al-Quthb Sidi Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ berkata :

Dan lagi antara *khowās Basmalah* yang mulia seperti yang diriwayatkan dari kalangan solihin
رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَعَنَّا بِهِم .. آمين

bahawa dia berkata :

Barangsiapa membaca
بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم
dengan bilangan 786 kali

tujuh hari berturut-turut .. terserah apa saja niatnya

nescaya akan tertunailah hajatnya itu ; baik pada mendatangkan kebaikan atau menolakkan kejahatan dengan izin ALLAH Taala.

Boleh dibaca pada bila-bila waktu .. yang afdhalnya waktu pagi .. selepas solat isyraq .. atau bersamaan solat dhuha.

Siri nombor 83

Al-Quthb Sidi Ahmad رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ berkata :

Dan lagi antara *khowās Basmalah* yang mulia seperti yang diriwayatkan dari kalangan solihin رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُم وَعَنَّا بِهِم آمين ..

bahawa dia berkata :

Barangsiapa membaca
بِسمِ اللّٰهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم
dengan bilangan 786 kali

kemudian solat enam rakaat dengan tiga salam (dua rakaat .. dua rakaat .. dua rakaat)

dibaca pada tiap rakaat Surah Al-Fatihah sekali kemudian Surah *Alam Nasyrah* 15 kali.

Kemudian dia mengucapkan doa ini :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ بِفَضلِ بِسمِ اللّٰهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم
وَأَسأَلُكَ بِعَظَمَةِ بِسمِ اللّٰهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم
وَأَسأَلُكَ بِجَلَالِ وَثَنَاءِ بِسمِ اللّٰهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم

وَأَسأَلُكَ بِهيبَةِ بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ ..
وَبِحرمَةِ بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ ..
وَبِجَبَرُوتِ وَمَلَكُوتِ وَكِبرِيَاءِ بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ ..
وَبِعزَّةِ وَقُوَّةِ وَقُدرَةِ بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ ..
اِرفَع قَدرِي .. وَيَسِّر أَمرِي .. وَاجبُر كَسرِي ..
وَأَغنِي فَقرِي .. وَأَطِل عُمرِي ..
بِفَضلِكَ وَمَنِّكَ وَكَرَمِكَ وَإِحسَانِكَ
يَا مَن كٓهيعٓصٓ .. حمٓعسٓقٓ .. الٓمٓ .. الٓمٓر

بِسمِ اللهِ الأَعظَم
اللهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الحَيُّ القَيُّومُ العَلِيُّ العَظِيمُ الأَكرَمُ ذُو الجَلَالِ وَالإِكرَامِ

وَأَسأَلُكَ بِجَلَالِ الهَيبَةِ .. وَبِعِزِّ العِزَّةِ .. وَأَسأَلُكَ بِكِبرِيَاءِ العَظَمَةِ .. وَبِجَبَرُوتِ القُدرَةِ .. أَن تَجعَلَنِي مِنَ الَّذِينَ لَا خَوفٌ عَلَيهِم وَلَا هُم يَحزَنُونَ ..

وَأَسأَلُكَ بِدَوَامِ البَقَاءِ .. وَضِيَاءِ النُّورِ .. أَن تَجعَلَنِي مِنَ الصَّالِحِينَ ..

وَأَسأَلُكَ بِحُسنِ البَهَاءِ .. وَبِإِشرَاقِ وَجهِكَ الكَرِيمِ .. أَن تُدخِلَنِي بِرَحمَتِكَ فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ يَا رَبَّ العَالَمِينَ ..
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلَّمَ.

Barangsiapa yang melakukannya berhasil-lah permintaannya .. dengan izin ALLAH Taala.

____

Terjemahan doa tadi adalah seperti berikut :

ALLAHumma sesungguhnya aku bermohon kepadamu dengan fadhilat Bismillahirrohmanirrohim ..
aku bermohon kepadamu dengan keagungan Bismillahirrohmanirrohim ..
aku bermohon kepadamu dengan jalāl (kebesaran) dan pujian Bismillahirrohmanirrohim ..
aku bermohon kepadamu dengan kehebatan Bismillahirrohmanirrohim ..
dengan kehormatan Bismillahirrohmanirrohim ..
dengan jabarūt, malakūt dan kibriyā' Bismillahirrohmanirrohim ..
dengan mulia kewibawaan, kekuatan dan kudrat Bismillahirrohmanirrohim ..

KAU tinggikanlah kedudukanku .. mudahkanlah urusanku .. rawatilah remuk redamku .. kayakanlah kefakiranku dan panjangkanlah umurku dengan kemurahan budiMU, kemuliaanMU dan ihsanMU wahai Tuhan kaf ha ya `ain shod .. ha mim `ain sin qof .. alif lam mim .. alif lam mim ro ..

BismiLLAH yang paling agung .. ALLAH tiada Tuhan melainkan DIA yang Maha Hidup lagi maha berdiri dengan sendiriNYA, Maha Tinggi, Maha Agung, DIA

yang termulia dan DIA yang memiliki jalāl dan kemuliaan.

Aku bermohon kepadaMU dengan jalālnya kehebatan .. dengan kemuliaan al-`izzah .. dan aku bermohon kepadaMU dengan megahnya keagungan .. dan dengan jabarūtnya kudrat ..

Aku bermohon agar ENGKAU menjadikan aku dari golongan yang tiada takut bagi mereka dan tiada dukacita.

Dan aku bermohon kepadaMU dengan kelangsungan al-baqā' (keabadian) .. dan dengan pancaran nur .. KAU jadikanlah aku dari kalangan solihin.

Dan aku bermohon dengan keindahan seri .. dengan pancaran wajahMU yang mulia .. mohon ENGKAU masukkanlah aku dengan rahmatMU ke dalam syurga-syurga yang penuh kenikmatan ya Robbal `Alamin.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Siri nombor 84

Al-Quthb Sidi Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ berkata :

Dan lagi antara *khowās Basmalah* yang mulia seperti yang diriwayatkan dari kalangan solihin رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَعَنَّا بِهِم آمين ..

barangsiapa membacanya sebelum tidur (saat mahu tidur) 21 kali

nescaya dia diamankan oleh ALLAH Taala pada malam itu

dari syaitan

dari kecurian

dari mati mengejut

dan ditolakkan darinya segala bala.

Sirr ini .. di zaman dahulu boleh dikatakan ada pada tiap rumah dan setiap keluarga .. dikeranakan inilah dahulu mereka hidup dalam kebaikan, diiring kebaikan dan dengan kebaikan.

Tuan-puan berpegang teguhlah dengannya dan ajarkanlah ia kepada mereka yang kau cintai dan kepada mereka yang mencintaimu.

Siri nombor 86

Berkata Amirul Mukminin Saiyidina Ali bin Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ dan semoga ALLAH meredhoi mereka, mencapaikan mereka keredhoan dan mengurniai kita kemanfaatan mereka dunia Akhirat :

"Aku melihat masa berubah, berputar dan terus berputar ;

tiada kesedihan yang kekal .. tiada kegembiraan yang tetap

sepanjang perjalanan waktu entah berapa banyak raja telah membina istananya ..

raja-raja itu tidak kekal dan istana-istana itu pun binasa semuanya".

Kerana inilah dikatakan :

Dunia ini tidak kekal dalam satu hal semata.

Dan lagi kata mereka : Dunia ini bagai awan

.. datang dan pergi.

Kerana inilah indah untuk kita hidup dengan harapan ;

jika hari ini kebaikan dan kesenangan belum datang .. esok ia kan datang jua.

Siri nombor 87

Berkata Amirul Mukminin Saiyidina Ali bin Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ dan semoga ALLAH meredhoi mereka, mencapaikan mereka keredhoan dan mengurniai kita kemanfaatan mereka dunia Akhirat :

إِذَا الدُّنيَا أَقبَلَت عَلَى أَحَد أَعَارَتهُ مَحَاسِنَ غَيرِهِ ..
وَإِذَا أَدبَرَت عَنهُ سَلَبَتهُ مَحَاسِنَ نَفسِهِ

"Apabila dunia mendatangi seseorang .. ia meminjamkannya keelokan orang lain

apabila dunia berpaling meninggalkannya .. ia merampas darinya keelokan dirinya".

Kerana ini dikatakan :

مُدْ رِجلَك عَلَى قَدِّ بَطَّانِيَّتَك

"Kau lunjurkanlah kakimu
sekadar panjang kain selimutmu"

yang maknanya berbelanjalah untuk hidupmu sekadar yang munasabah

agar kau tak terkesan dengan dunia bila ia mendatangimu .. begitu jua saat ia pergi darimu.

Siri nombor 89

Berkata Amirul Mukminin Saiyidina Ali bin Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجَهَهُ dan semoga ALLAH meredhoi mereka, mencapaikan mereka keredhoan dan mengurniai kita kemanfaatan mereka dunia Akhirat :

مَا خَانَكَ الأَمِينُ .. وَلَكِنَّكَ أتَمَنتَ الخَائِنَ

"Takkan ada orang amanah mengkhianatimu ..

yang berlaku adalah engkau telah memberi amanah kepada orang khianat".

Kerana inilah dahulu dipesankan :

حرص وفحص .. ولا تخون

"Hati-hati dan periksalah .. tapi jangan tuduh khianat"

Adapun di zaman sekarang .. jangan kau percaya siapa pun ..

(jangan kau percaya) kecuali insan yang terpancar cahayanya ..

yang telah sampai dan punya hubungan kepada hadrat Al-Mahbūb Saiyidina Muhammad ﷺ.

Siri nombor 90

Berkata Amirul Mukminin Saiyidina Ali bin Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ dan semoga ALLAH meredhoi mereka, mencapaikan mereka keredhoan dan mengurniai kita kemanfaatan mereka dunia Akhirat :

شَحِيحٌ غَنِيٌ أَفقَرُ مِن فَقِيرٌ سَخِيّ

“Orang kikir yang kaya

lebih fakir dari

orang fakir yang pemurah”.

Kerana inilah dikatakan..

tak mungkin orang bakhil dan kikir menjadi kalangan awliya’ ALLAH Taala

tapi mungkin saja dia menjadi awliya’ syaitan dari kalangan jin dan manusia.

Siri nombor 91

Berkata Amirul Mukminin Saiyidina Ali bin Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ dan semoga ALLAH meredhoi mereka, mencapaikan mereka keredhoan dan mengurniai kita kemanfaatan mereka dunia Akhirat :

خَالِطُوا النَّاسَ مُخَالَطَةً إِذَا مِتُّمْ عَلَيهَا بَكُوا عَلَيكُم ..
وَإِن عِشتُمْ حَنُّوا إِلَيكُم

"Bercampurlah dengan manusia

dengan pergaulan yang apabila engkau mati mereka akan menangisimu

dan dengan pergaulan itu jika engkau masih hidup mereka mengasihimu".

Siri nombor 92

Berkata Amirul Mukminin Saiyidina Ali bin Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ dan semoga ALLAH meredhoi mereka, mencapaikan mereka keredhoan dan mengurniai kita kemanfaatan mereka dunia Akhirat :

إِنَّمَا الشَّرَفُ بِالعَقلِ وَالأَدَبِ .. لَا بِالمَالِ وَالحَسَبِ

"Demi sesungguhnya kemuliaan itu dengan akal dan adab .. bukan dengan harta dan pangkat".

Siri nombor 93

Berkata Amirul Mukminin Saiyidina Ali bin Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ dan semoga ALLAH meredhoi mereka, mencapaikan mereka keredhoan dan mengurniai kita kemanfaatan mereka dunia Akhirat :

“Jangan kalian membenci fitnah pancaroba kehidupan dan jangan marah dengannya

sesungguhnya pada berlakunya fitnah itu akan tertuailah (terzahir) orang-orang munafik”.

Kerana inilah dikatakan pepatah :

دُور كَمَا دَار رَبّنَا

“Berputarlah engkau mengikut putaran Robbana”.

ertinya .. tiap kebaikan atau kejahatan yang berlaku

didalamnya mengandungi hikmah, hikmah dan hikmah.

ALLAH mengkehendaki ..
manusia juga mengkehendaki

dan tidaklah akan berlaku melainkan apa yang dikehendaki oleh Robbana Azza wa Jalla.

Siri nombor 94

Berkata Amirul Mukminin Saiyidina Ali bin Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ dan semoga ALLAH meredhoi mereka, mencapaikan mereka keredhoan dan mengurniai kita kemanfaatan mereka dunia Akhirat :

أَعجَزُ النَّاسِ مَن عَجَزَ عَنِ اكتِسَابِ الإِخوَانِ ..
وَأَعجَزُ مِنه مَن ضَيَّعَ مَن ظَفِرَ مِنهُم

"Orang paling lemah adalah siapa yang lemah dari beroleh ikhwan (saudara) ..

dan yang lebih lemah darinya adalah siapa yang mensia-siakan ikhwan yang telah diperolehinya".

Dikeranakan inilah para masyaikh kamil berkata :

Jikalau murid sejati itu ada dijual

nescaya akulah yang pertama membelinya dengan segala yang ku miliki.

Siri nombor 95

Al-Quthb Sidi Musa قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

“Tawadhu’ adalah

engkau berinteraksi sesama manusia dengan interaksi yang dengannya engkau suka mereka bergaul denganmu”.

Definisi yang sederhana namun penuh bertenaga, berkesan dan efektif.

Cubalah ia, nescaya engkau akan melihat berbagai keajaiban.

Siri nombor 96

Al-Quthb Sidi Musa قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

“Wasilah terbaik untuk bertaqarrub kepada ALLAH

Setelah makrifat kepadaNYA

adalah solat, berbuat ihsan kepada dua ibu-bapa

meninggalkan hasad .. keegoan diri .. berbangga-bangga .. dan meninggi diri”.

Inilah sebuah rahsia yang amat besar bagi siapa yang merenungnya .. dan beramal dengannya.

Siri nombor 97

Al-Quthb Sidi Musa قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

"Sesungguhnya orang yang berkhianat dan menyembunyikan suatu keaiban (kerosakan) untuk mengelabui mata orang Islam ..

atau dia melakukan helah dan makar untuk menipu daya

maka berhaklah dia untuk dituangkan laknat ALLAH keatasnya".

Ini sangat merbahaya .. khususnya di zaman sekarang ;

semua orang menyangka khianat adalah kecerdikan dan kepintaran ..

bohong adalah bahagian dari moral baik ..

merendahkan orang lain adalah kemuliaan akhlak.

Kita mohon perlindungan ALLAH dari segala hati yang busuk itu.

ALLAHumma tangkiskanlah mereka dari kami, agar kami tak melihat mereka .. dan mereka pun tak melihat kami.

Siri nombor 98

Al-Quthb Sidi Musa قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

“Sesungguhnya seorang hamba yang amat jelek disisi ALLAH Taala

adalah orang yang sikapnya talam dua muka dan lidahnya bercabang dua ;

dihadapan saudara, kawan dan temannya dia memuji-muji

elok saja menghilang terus dia mengeji-ngeji

atau jika saudaranya mendapat nikmat dia akan berhasad dengki

dikarangnya seribu cerita dusta keatas saudaranya itu ;

atau jika saudaranya ditimpa masalah dia cuci tangan tak sudi membantu ..

bahkan berlakon tak tahu menahu ..

bahkan pergi lebih jauh lagi .. ingkar dia seraya berkata dia tak kenal pun saudaranya itu”.

Siri nombor 99

Al-Quthb Sidi Musa قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

كُلُّ مَن عَشِقَ الدُّنيَا فَإِنَّ الخَوفَ مِنَ الآخِرَةِ يُغَادِرُ قَلبَهُ

“Siapa saja yang asyik dengan cinta dunia

pasti takutkan Akhirat meninggalkan hatinya”.

Ini satu rahsia yang ajaib lagi amat terang bagai matahari

tapi sangkaan manusia bukan begitu.

Kalian semua pun tahu apa yang telah dikatakan oleh umum manusia dan apa yang terus mereka perkatakan (tentang perkara ini).

Siri nombor 100

Al-Quthb Sidi Musa قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

خَيرُ الأُمُورِ أَوسَطُهَا

“Sebaik-baik perkara adalah yang pertengahan”

tidak terlalu ketat .. dan tidak terlalu longgar.

Larilah dari sikap taksub (fanatik) .. kerana taksub akan menjadikanmu buta, bisu dan pekak.

Taksub ada pada fikiran, pendirian, emosi dan perasaan.

Setiap cinta yang selain kerana ALLAH Taala

dan cinta RasulNYA ﷺ

boleh jadi ia sebenarnya taksub, atau adat, atau kepentingan diri

atau penyakit, atau simpati, atau zalim, atau *hawā*

atau kejahilan, atau kebodohan, atau politik

atau keuntungan, atau korupsi, atau kesaksian dusta.

Maka berhati-hatilah .. jangan kau masuk ke daerah taksub.

Taksub itu permulaannya kezaliman

dan pengakhirannya derita, penyesalan dan kerugian.

Siri nombor 101

Al-Quthb Sidi Musa قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيز berkata :

حَصِّنُوا أَموَالَكُم بِالزَّكَاةِ .. وَدَاوُوا مَرضَاكُم بِالصَّدَقَةِ ..
وَاقضُوا حَوَائِجَكُم بِالهَدِيَّةِ وَالعَطَاءِ

"Bentengilah hartamu dengan zakat

ubatilah yang sakit dari kalanganmu dengan sedekah

dan tunaikanlah hajatmu dengan hadiah dan pemberian"

kerana kaedah emas yang terbit dari para awliya' adalah ..

"Alam kewujudan ini saling bertindak balas dengan sifat kemurahan hati, pemberian, zakat, sedekah dan hadiah".